



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 25 BILANGAN 23

RABU 4HB JUN, 1980.

1400 رابو 20 رجب

PERCHUMA

ULANG TAHUN AMDB DI-RAI' DENGAN PERTUNJOKAN DI-EMPAT DAERAH

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei menyambut hari ulang tahunnya yang ke-19 dengan mengadakan berbagai pertunjukan di seluruh negeri pada hari Sabtu lalu.

Di Bandar Seri Begawan seribu2 orang telah memenuhi Dermaga Kastam Diraja untuk menyaksikan

pertunjukan yang telah di-kendalikan oleh Angkatan Laut Pertama pasukan tersebut.

Antara yang menjadi bahan pertunjukan oleh angkatan tersebut termasuklah tiga buah kapal ronda pasokan. Apa yang menarik perhatian orang ramai pada hari itu ialah satu pertunjukan gerakan menyela-

mat dari laut yang melibatkan sa-buah helikopter.

Pertunjukan di-Padang Jalan Penglima Kuala Belait telah bermula dengan persembahan pencharagam pasukan battalion kedua yang menjadi pengendali pertunjukan tersebut.

Antara yang hadir untuk menyaksikan pertunjukan termasuklah Pemangku Pegawai Daerah Belait Pengiran Idris bin Pengiran Temenggong Pengiran Haji Mohammad dan Pegawai Pemerintah Pasukan Brigadier Cameron.

Sa-lain dari mempamerkan berbagai kelengkapan ketenteraan seperti senjata2 dan kereta2 kebal, battalion tersebut juga telah menunjukkan kecekapan chara memadam api dan latehan di-hutan.

Pada sebelah petang-nya battalion tersebut berpindah ka-Daerah Tutong untuk mengadakan pertunjukan serupa bertempat di-padang Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim.

Antara yang hadir bersama seribu2 orang penduduk yang berdekatan termasuklah Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Chu-chu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdul-lah dan Pegawai Pemerintah Battalion Kedua Kolonel Bennett.

Lihat muka 16



PERTUNJOKAN menyelamatkan dengan menggunakan pesawat helikopter ini ada-lah salah satu acara yang menarik perhatian para penonton yang menyaksikan pertunjukan sempena ulang tahun penubuhan AMDB di-Dermaga Bandar Seri Begawan.

Pada memahami isi kandungan Al-Kor'an

PELAJARI TULISAN JAWI TERLEBEH DAHULU

BANDAR SERI BEGAWAN.—Ahli Majlis Masyuarat Negeri, YB Awang Haji Abd Latif bin Abdul Hamid menekankan bahawa pada memahami isi kandungan pengajaran Al-Kor'an dengan lebih berkesan lagi di-negeri ini kita perlu-lah mempelajari tulisan jawi terlebih dahulu.

Kerana, kata-nya, langka seperti itu patut-lah kita amalkan dan galakkan selalu memandangkan bahawa tulisan sa-umpama itu ada-lah merupakan pesaka kita yang turun temurun dari datok nenek moyang kita yang pada masa ini hampir2 hilang di-telan zaman.

Walaupun bagaimana pun, kata Yang Berhormat itu lagi, kita orang2 Islam di-Brunei sunggoh bernasib baik di-mana walaupun ramai orang yang belum memahami bahasa Al-Kor'an, tetapi isi kandungan pengajaran-nya telah pun di-huraikan oleh Alim Ulama

ka-dalam Bahasa Melayu yang mana sedikit sa-banyak telah dapat menjadi panduan kepada orang2 yang belum mahir dalam tulisan jawi.

Berucap sa-jurus sa-be-lum merasmikan Pertandingan Membaca Al-Kor'an peringkat dewasa bagi kawasan Brunei III yang telah di-adakan di-Sekolah Melayu Dato Godam di-sini minggu lalu, Yang Berhormat menambahkan bahawa pada peringkat ini kita di-Brunei sudah pun

Lihat muka 16

Manis-nya Iman

"APABILA sa-kumpulan orang bertemu dalam suatu majlis kemudian mereka bersurai sedang sa-waktu dalam majlis itu mereka tidak mengingat Allah dan tidak mengucapkan salawat ka-atas Nabi (s.a.w.), maka ada-lah majlis mereka itu akan menjadi sesalan kepada mereka pada Hari Kiamat"—HADITH Nabi di-riwayatkan oleh Imam Ahmad dan Ibnu Hibban daripada Abu Hurairah.

Sambutan Isra'

dan Me'raj

Perengkat Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN.—Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar akan merasmikan Majlis Sambutan Isra' dan Me'raj yang akan di-adakan di-Dewan Raya RTB di-sini pada hari Selasa 10hb Jun mulai jam 8.45 malam. Sambutan ini akan di-siarkan sa-chara langsung melalui Radio dan Talivishen Brunei.

Antara acara yang akan di-adakan dalam sambutan tersebut ialah bacaan ayat2 suci Al-Kor'an yang akan di-sampaikan oleh Awang Metassin bin Haji Metussin, johan lelaki bagi Sekolah2 Ugama Daerah Brunei dan Muara pada tahun 1980 kemudian di-ikuti dengan ucapan alu2an dari Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Seruddin dan satu sharahan khas juga akan di-sampaikan oleh Awang Haji Rajid bin Haji Abdul Kadir, Pegawai Ugama.

Lihat muka 16

Angka tunjok barang2 pengguna

BANDAR SERI BEGAWAN.—Angka tunjok harga barang2 pengguna bagi bulan April 1980 ialah 116.2 mata berbanding dengan 110.7 mata bagi bulan yang sama dalam tahun 1979, ini menunjukkan kenaikan sebanyak 5.0% daripada tahun lepas. Angka tunjok bulan April ini juga telah meningkat sa-banyak 0.2% dari bulan Mach 1980.

Kenaikan tersebut ada-lah di-sebabkan oleh kenaikan harga2 beberapa jenis makanan dan barang2 kegunaan rumah-tangga.

Bagaimana pun angka tunjok bagi pakaian, kasut, sewa kasar, bahan api dan tenaga, pengangkutan dan perubong-an serta permainan, hiburan, pelajaran dan perkhidmatan2 kebudayaan tetap tidak berubah dalam tempoh tersebut.

P'jaya Tinggi lawat PTE

ADONG.—Tuan Yang Terutama, Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson telah mengadakan lawatan singkat ka-Pusat Tingkatan Enam dan Maktab Peruruan Sultan Hassanah di-Gadong di-sini pada hari Rabu minggu lalu.

Ketibaan Awang Arthur bersama isteri-nya di-pusat telah di-alu2kan oleh pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jassa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat; Pengetua Pusat Tingkatan Enam, Awang Dennis bin Haji Roslee; Penguasa Pelajaran Menengah, Awang Hashim bin Haji Daud dan lain2 pegawai2 kanan jabatan Pelajaran.

Sa-belum di-bawa meninjau dan melawat sekitar pusat pengajian itu, Awang Arthur Watson beserta isteri-nya telah di-berikan

taklimat mengenai dengan dasar2 perkembangan pelajaran serta aktiviti2 yang telah di-chapai oleh pusat itu oleh pengetua pusat tersebut.

Pusat Tingkatan Enam yang merupakan sa-buah pusat pengajian tinggi di-Brunei itu telah mula di-gunakan pada awal tahun 1979 dan ia-nya mempunyai lebih daripada 800 orang penuntut dari aliran Melayu dan Inggeris dan mempunyai lebih kurang 70 orang tenaga pengajar.

Sa-lepas mendengarkan taklimat, Awang Arthur Watson di-bawa melawat sekitar kompleks yang berharga \$26 juta itu. Ini termasuklah lawatan beliau ka-perpustakaan, bilek2 makmal, bilek lukisan dan pertukangan serta bilek2 darjah.



TUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang Arthur Watson dan isteri-nya telah di-bawa melawat ka-Bilek Makmal Pusat tersebut.



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

ANGKARAN
RASMI
NEGARA
BRUNEI

4HB JUN, 1980

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

HARI AMDB DAPAT SAMBUTAN MERIAH

SAMBUTAN hari ulang tahun ke-19 penubuhan Askar Melayu Diraja Brunei yang di-adakan dengan berbagai kegiatan ketenteraan di-seluruh negeri pada hari Sabtu lepas telah mendapat sambutan meriah. Orang ramai telah di-beri peluang sa-luas2-nya untuk melihat sa-chara dekat akan peralatan2 yang di-lengkapkan kepada pasukan itu, malah peluang2 untuk menhuba sendiri akan peralatan2 yang tertentu termasuk senjata telah juga di-bukakan.

Sa-chara tidak langsung sambutan Hari AMDB ini ada-lah merupakan kempen yang terbesar bagi pasukan itu dalam menarik perhatian orang ramai tentang betapa perlu-nya pasukan tentera negara kita dan tentang betapa penting-nya pula bagi anak2 muda khas-nya untuk tampil kemuka memasuki perkhidmatan itu selaku seteria negara dan selaku tenaga kukuh sabagai benteng memelihara dan mempertahankan keamanan dan ketenteraman rakyat dan negara yang kita kasehi ini.

Ada-lah satu khidmat yang besar erti-nya buat bangsa, agama dan negara kita jika kita dapat melibatkan diri bersama2 berkecimpung dalam bidang2 yang kita minati yang mempunyai teras dalam mempertahankan suasana aman damai yang kita nikmati sa-lama ini dan seterusnya kita chita2kan untuk terus terpelihara hingga ka-akhir zaman. Antara teras menuju ka-matalamat yang kita chita2kan itu ia-lah melalui perkhidmatan2 yang sifat-nya sa-chara langsung memikul tanggung-jawab itu ia-itu seperti pasukan2 keselamatan termasuklah perkhidmatan AMDB.

Di-sepanjang minggu ini, sa-bilangan besar dari kita berpeluang menyaksikan kegiatan2 dan asas tanggung-jawab AMDB dan seterusnya kita dapat mengetahui sa-chara lebih meluas lagi bagi mana sa-seorang yang menjadi askar itu di-lengkapkan dengan berbagai2 bidang pengetahuan ketenteraan. Bidang pengetahuan ketenteraan ini pula ada-lah ternyata memberikan kesedaran2 penting dalam erti-kata kesempurnaan hidup sa-bagai rakyat yang dapat meningkatkan kadar rasa bertanggung-jawab terhadap bangsa dan negara-nya itu. Dalam gambaran2 yang di-berikan kepada kita di-sepanjang minggu ini, kita dapat melihat betapa lunas2 kesempurnaan itu di-tanapkan sa-belum sa-seorang itu di-iktirab sa-bagai sa-orang askar. Pengajaran2 yang di-berikan tidak hanya sa-takat mengetahui dari segi kecekapan penggunaan persenjataan dan alat2 ketenteraan yang mengkehendaki ketangkasan jasmaniah, tetapi yang juga di-pandang penting untuk di-tanapkan kepada sa-seorang yang bakal menjadi askar ia-lah asohan2 rohaniyah. Kita di-fahamkan bahawa pasukan Askar Melayu Diraja Brunei ada-lah tetap memandangkan penting terhadap asohan2 dan pendidikan rohaniyah ini terutama-nya di-segi pengetahuan2 Uagama Islam dan perasaan bertanggung-jawab untuk sama2 menyemarakkan shif'ar Islam sa-bagai Uagama Rasmi Negara itu. Untuk tujuan ini, ia tidak saja sa-takat mengadakan kelas2 khas untuk mendidik anggota2-nya dalam berbagai bidang pengetahuan keagamaan, malah bergiat sama dalam berbagai kegiatan keagamaan seperti mengadakan majlis bertadris, rombongan2 bersembahyang Juma'at, kegiatan menchungkel bakat2 qari dan qari'ah di-kalangan kerabat2 AMDB, belajar berzikir dan lain2 lagi. Tidak shak lagi bahawa anggota2 AMDB di-lengkapkan juga dengan pengetahuan2 keagamaan sa-chara sunggu2 sa-lain dari pengetahuan2 ekadidik lain-nya.

Di-bidang kerjaya pula, mereka ada-lah terdiri dari orang2 yang berkemahiran dalam berbagai2 bidang ia-itu dari hal-ehwal pertukangan hingga membawa kepada berbagai bidang kejuruteraan, dan hari ini kita melihat betapa ramai-nya anak-buah kita yang telah menjadi juruterbang. Orang2 besar dalam AMDB pun, sa-bilangan besar-nya ada-lah terdiri dari anak-buah kita. Ini menunjukkan bahawa kebolehan anak-buah kita ada-lah satu kebanggaan kepada kita. Oleh itu, memasoki AMDB ada-lah satu pilihan yang bijak untuk masa depan.

BENAR-KAH kalau sa-seorang itu mengetahui diri-nya tidak di-sia-siakan lalu dia akan mudah meyakini apa yang sa-belum-nya tidak di-yakini-nya?

Soalan ini sa-benar-nya ia-lah mengenai sikap sa-seorang. Yakni: "Benar-kah dia akan begitu atau tidak?"

Kalau 'dia' begitu, 'orang lain' atau juga 'kita' belum tentu pula begitu. Dan kalau sa-balek-nya 'kita' atau 'orang lain' benar begitu maka belum tentu pula 'dia' sama begitu.

Pendek kata, masing2 orang ada dengan sikap dan hal-nya. Sebab itu sukar-lah dipastikan melainkan chuma di-agak-agak.

Dalam mengagak-agak itu mungkin cherita petekan dari hikayat lama yang di-salin karuangan kali ini dapat jadi ukuran. Kalau pun tidak keseluruhan cherita, mungkin sa-bahagian-nya tepat untuk maksud tersebut.

CHERITA

SUATU MALAM, sa-orang Majusi datang menemui Nabi Ibrahim ('alaihis-salam) untuk menumpang tidor.

"Saya tidak sudi menerima mu bermalam melainkan kalau engkau keluar dari ugama mu dan meninggalkan keperchayaan kafir mu!" Nabi Ibrahim terus terang memberitahu-nya.

Dengan itu, orang Majusi tersebut pun beredar dengan hampa.

Pada malam itu, kemudian-nya, Nabi Ibrahim menerima wahyu daripada Allah.

"Wahai Ibrahim! Engkau tidak sudi menerima orang itu? Apa-lah susah-nya bagi mu kalau menerima-nya bermalam untuk sa-malam, sedangkan Aku sendiri sudi memberi-nya makan minum sa-lama tujuh puluh tahun pada hal dia mengkafiri Ku?"

Mendengar wayhu Allah sa-demikian maka Nabi Ibrahim pun segera men-chari orang Majusi itu.

PADA HEMAT SAYA.....

YAKIN SA-TELAH TIDAK YAKIN

Hanya pada ka-esokan-nya baru di-jumpa-nya lahu Baginda mempelawa-nya.

Orang Majusi itu hairan mendapati Baginda berubah sikap.

"Saya sunggu2 tidak menduga, baru sa-malam tuan menghalau saya, dan sekarang tuan mengajak pulak?" kata-nya berterus terang dan mungkin juga menyindir.

Nabi Ibrahim chuma menjawab dengan mencheritakan betapa Baginda telah di-tegor oleh Allah kerana tidak sudi menerima-nya menumpang bermalam itu. Dan Baginda cheritakan juga betapa Allah sendiri sudi memberi-nya rezeki sa-lama tujuh puluh tahun pada hal dia kafir, tidak per-chayakan Allah!

Mendengar demikian, orang Majusi tersebut segera bersuara: "Ada-kah Tuhan itu sa-begitu baik memperlakukan saya pada hal saya sa-lama ini mengkafiri-Nya? Jika benar begitu, hulorkan-lah tangan tuan, saya sukachita akan menguchap shahadat mengakui bahawa tiada Tuhan yang sa-benar melainkan Allah, dan tuan ada-lah Rasul-Nya."

Sampai di-situ maka cherita pun tamat.

MORAL CHERITA

Tentu-lah moral cherita tadi dapat di-kesan. Dan sa-bahagian-nya (kalau tidak keseluruhan-nya) tentu-lah pula dapat menjelaskan betapa sa-seorang itu apabila mengetahui dia tidak di-sia-siakan oleh sa-suatu yang sa-belum-nya tidak di-yakini-nya maka dia dengan mudah berubah menjadi yakin.

Orang Majusi itu memang di-ketahui kafir-nya. Dia bukan saja enggan bertuhankan Allah bahkan ju-juga ingkarkan kebenaran ajaran2 Allah.

Maana-nya: sa-lama kafir-nya itu dia sama sekali tidak meyakini Allah Ta'ala, sedang dalam masa yang sama Allah terus juga memberi-nya rezeki dan melindongi-nya. Apabila di-beritahu hal itu baru-lah dia merasa diri-nya di-hargakan, tidak di-sia-siakan oleh Allah yang tidak di-perchayai-nya. Sa-telah itu tentu-lah dia sedar dan insaf bahawa Allah itu benar, ajaran2-nya betul dan menjamin. Maka dia pun berubah dari tidak perchaya kepada perchaya, dari tidak yakin kepada yakin.

Mudah saja kelihatan-nya!

KENA JADI UKORAN

Oleh kerana cherita tadi dapat di-perchayai benar-nya maka ia tentu lebih di-perchayai kena untuk jadi ukoran.

Chuma cherita-nya maseh juga mengenai sikap sa-seorang. Ternyata 'dia' benar telah meyakini apa yang sa-belum-nya sunggu2 tidak di-yakini-nya, ia-itu hanya sa-telah dia mengetahui bahawa diri-nya tidak di-sia-siakan.

Bagaimana hal dan sikap 'orang lain' dan bagaimana pula 'kita'?

Jika terlalu sangat diambil kira bahawa masing2 orang ada dengan hal dan sikap-nya maka sukar-lah di-pastikan sama ada 'orang lain' dan 'kita' juga akan sama begitu—begini.

Tapi, akan mudah dan senang di-pastikan kalau masing2 itu ada persamaan hal-nya. Ini tidak luar biasa terjadi. Yakni: sama2 bersamaan hal, lalu sama2 akan mudah bersamaan sikap. Bukan-kah begitu?

CHONTOH

Cherita tadi boleh-lah diambil sa-bagai chontoh sa-

haja. Dan boleh-lah dipadankan dengan lain2 dan perkara untuk mengesan atau mengagak-agak tentang benar tidak-nya sa-seorang yang tidak meyakini (tidak menaruh keyakinan) terhadap sa-suatu akan berubah meyakini-nya apabila saja dia tahu yang sa-suatu itu tidak mempersia-siakan-nya.

Kata-lah hal dan perkara itu ia-lah orang/pehak, dan cherita tadi menjelaskan waban-nya benar maka jik-nya jadi-lah begini: orang itu akan mudah meyakini orang/pehak yang sa-belum-nya tidak di-yakini-nya apabila saja dia tahu yang orang/pehak itu tidak mempersia-siakan-nya.

Begitu-lah logik-nya.

Dan oleh kerana ia menjadi hal dan perkara ia-lah orang/pehak maka masing2-nya ada-lah merupakan sa-suatu yang kebanyakan kita biasa atau pernah mengalami-nya. Lu kerana itu kebanyakan kita dapat di-jamin akan bersikap sama dalam peng-laman2 itu.

Begitu-lah yang di-harapkan.

Yang sama sekali kita harapkan ia-lah: ia terus-menerus tidak meyakini, atau sa-telah meyakini tiba2 kehilangan keyakinan ia-itu sa-mata2 kerana ia tidak tahu atau tidak beritahu yang sa-suatu itu tidak mempersia-siakan ta, atau pun sa-mata2 kerana kita tahu sa-suatu yang sa-patut-nya tidak mempersia-siakan kita itu rupanya mempersia-siakan.

Jika harapan kita benar maka chapai-lah harapan tersebut dengan cara tidak mempersia-siakan kita dan diri orang lain, bab orang/pehak yang patut-nya terus menerus mendapat keperchayaan bukan-lah siapa2/apa2 melainkan diri kita/kepercayaan kita.—Ketua Pegawai Perancangan.

".....sama2 bersamaan hal, lalu sama2 akan bersamaan sikap, bukan-kah begitu?"

350 INTERVIEWED FOR GOV'T SCHOLARSHIPS

JALAN MUARA. — The Deputy Director of Establishment, Awang Hj Jaya bin Abd Latif said that more than 350 applicants for this year's government scholarships have recently been interviewed by the members of the Scholarship Committee.

He was speaking last week when he officiated the opening of the final of the Intelligence-Test Competitions for the Junior Malay and Preparatory English Schools held at the Delima Satu Malay School here.

The number, he said, is not small, if compared with the size and the total population of the country. However, such facility provided by the government is part of its responsibilities to educate its citizens.

Although giving the scholarships to students is a great burden to the govern-

ment, yet, the government will not commit itself to give them jobs on completion of their studies.

But, he stressed, the successful applicants will have the responsibilities and obligations to serve the state not only in the government service but also in the public sectors.

Earlier, he clarified that the objective of holding the Intelligence-Test Competitions is to equip the students with knowledge in various aspects through seeing, listening, reading and by experience.

Regarding the much improved standard of living in Brunei, he pointed out, as one can see, all the houses of the citizens are provided with luxury furniture and other appliances.

And the results of the competitions are as follows: —

In the Preparatory English Schools Sections: Champion: Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil. Second: Dato Gandhi Preparatory English School.

In the Junior Malay Schools Section: First: Sekolah Melayu Kupang. Second: Sekolah Melayu Bebuloh.

Clinic in Seria

SERIA. — The construction work on a clinic, the biggest ever built in the state, is expected to be completed in a few months' time.

The building which is constructed on an over an acre of land, is situated to the Old Persons' Home, near the Jalan Bolkiah here.

The construction is part of projects included in the Five Year Development Plan. Its total cost is about \$3 million.

Being one of the development projects, the clinic is aimed at satisfying the necessities of the people especially the nearby residents.

The two-storey concrete building, which is well-located and when completed, will be equipped with consultation rooms, prenatal and childcare facilities, a dental clinic, a laboratory, a minor operating theatre, a dispensary, a vaccination centre and an ambulance bay.

The building is designed by the Public Works Department which is also supervising its construction work which begin in August last year.

Consumer price Index

BANDAR SERI BEGAWAN. — The cost of living in Brunei slightly increased again in April this year.

In the month, a rise of 0.2 percent in the consumer price index was recorded, compared with March.

This was chiefly affected by some of the increased food prices.

However, the indices for foot-wear and clothing, gross rent, fuel and power, transport and communications, recreation and entertainment remained unchanged.

The consumer price index went up about 5 percent during the year ending in April.



Mr. Arthur Watson, the British High Commissioner, and his wife, seeing a painting during their visit to the Sixth Form Centre in Jalan Gadong last week.

Radio Brunei to broadcast new programmes

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Radio Brunei is going to broadcast a number of new programmes, particularly in the English service.

For the purpose, Mr Stewart Wavell, the Programme Production Manager (Radio), will be speaking to the principals of schools on Thursday at the conference room of the Education Department (HQ).

The following is the full text of his speech: —

Over the past year in Brunei Radio has become an instrument of education. This year further series of programmes are being planned in Malay, English and Chinese. We are indebted to the Singapore Broadcasting Corporation for contributing so much to our output in 1979. I am hoping to broadcast more discussions connected with the examination syllabus from Singapore in Malay and Chinese. These will start as soon as we receive them.

As for English, we will embark on a new series of 45' English literature programmes every Friday morning at 11 a.m. starting on June 13th and this will take us through to a week before the examinations on November 17th. These are an amalgam of 30' dramatised transcriptions from the BBC and local comment by teachers from the 6th Form Center in Brunei. The first seven programmes are devoted to "Julius Caesar". The next fourteen to "Great Expectations". All programmes will be repeated on Mondays at 8 p.m.

The need for mastery of

English by Brunei students has been stressed by every principal and teacher I have met. As a further stimulus to English study, therefore, we shall be introducing on the English Service in September a light-hearted panel game on radio called "The Battle of Words". Two teams of three students from different schools will be invited to spell and pronounce English words correctly and to give their meaning. I hope this series will give the students some enjoyment as well as practical help. It might, perhaps, be useful to take words out of "Julius Caesar" and "Great Expectations". I shall be grateful for your further co-operation.

I have to thank you all for encouraging your students to take part in the experimental series, "From School to Schools". This came to an end in English because of a real difficulty in some schools of finding enough English-speaking voices who could offer something fresh to the Radio. One or two of these programmes were a notable success. I shall, of course, be guided by your views, but I am inclined to repeat the experiment in English next year if you are willing. Fortunately, the series in Malay has continued with some success.

I should mention to you that the Government in its wisdom has provided RTB with funds to reconstitute by November all the studios originally built for radio but occupied for the past few years by Television. This will mean that we will have the latest stereophonic equipment available to produce, I hope, better programmes. I need not dwell on the difficulties my staff in radio have had to overcome in the past three years. If, however, we are to develop a genuine schools broadcasting unit in RTB, we will, in due course, have to recruit graduates trained in teaching and also skilled in radio presentation techniques. I leave this with you as a thought for the future.

In the meantime, until November, we are still severely handicapped by lack of studios and equipment but I trust that, with the help of Hajjah Zainah and David Temple and teachers from the Sixth Form Centre, we shall be able to make "Julius Caesar" and "Great Expectations" more meaningful to students over the next few months. The radio scripts of the local teachers' broadcasts will be passed to Ali Hashim, your Deputy Director who has kindly agreed to ensure they are copied and circulated to all the schools concerned.

Air Fares Brunei-HK Increased

BANDAR SERI BEGAWAN. — The air fares between Brunei and Hongkong were increased with effect from June 1.

The Royal Brunei announced last week the new one-way first class fare to Hongkong is \$833 (Old fare, \$331.8), while the one-way economy class fare is \$661 (Old fare, \$263.3).

As for the 7-30 day excursion fare, it was increased from \$397.5 to 998.

In order to attract more tourists to the colony, the national carrier has introduced a shopping fare which is \$676.

Meanwhile, as part of the training project, the RBA sent three locals to Singapore for a two-year training in Aircraft Sheet Metal Work.

The 3 trainees Ak Yasmin bin Pg Hj Wahab, Awg Abd Rahim bin Hj Bini and Awg Mohd Kasmi bin Mohd Kasim, signed their contracts with the RBA at its general office here.

The signing ceremony was held in the presence of the airlines' Chief Inspector of Engineering, Mr Dengate. They left for the republic on Saturday.

Shell's familiarisation course

SERIA. — A three-day course organised by the Brunei Shell Petroleum Company for the 14 senior government officers ended last Wednesday.

The course was for the purposes of familiarisation, and giving them the first-hand knowledge and information of the company's operations.

It was held at the Organisation's Information Centre here.

In process of the course, the officers heard various talks on the Shell's activities, production, and organisation.

They also visited several sections and departments of the company.

The participants were led by the Head of Training Unit of the Establishment Department, Awang Mohammad Alimin bin Haji Abdul Wahab.

Meanwhile, the Electrical Department, for the first time, conducted a five-day course ended on Friday for its staff.

It was attended by 16 officials who later obtained their promotions.

RBMR celebrates anniversary

BANDAR SERI BEGAWAN. — The 19th Anniversary of the Royal Brunei Malay Regiment was celebrated on a grand scale on Saturday.

The celebrations included an exhibition of the regiment's all types of military equipment and sophisticated weapons.

Tanks and helicopters were also displayed at the Customs Wharf here in the afternoon.

The First Flotilla demonstrated its might too.

Similar demonstrations were also held on Saturday at the Jalan Panglima in Kuala Belait, at the Muda Hashim Malay School Padang in Tutong, and at the Recreation Hall in Bangar Town, Temburong.

S'pore promotion in Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Anita Sarawak, Singapore's top recording artist will stage a special show at the Dewan Raya, Radio Television Brunei here today and tomorrow as part of the Singapore Tourist Promotion Board and Singapore Airlines' joint programme to publicise the attractions of Singapore to the people of Brunei.

The "Anita Sarawak Show" which begins at 8 pm each evening will be preceded by the STPB's audio visual presentation which focuses on Singapore's shopping attractions.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-

Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah has kindly consented to be the Patron of the show.

The proceeds from the shows will be donated to the Brunei Welfare Fund.

It is estimated that approximately 400 people will be present for the show each evening.

Tickets for the Anita Sarawak Show can be purchased at the two SIA offices here and Kuala Belait.

A cocktail and buffet reception will be held by the STPB and SIA today at the Diary Farm Grill Room for 100 guests including VIPs, media personnel and representatives from the Brunei travel industry.

Foodstuff packets

BANDAR SERI BEGAWAN. — Foodstuffs or edibles to be sent to Britain must be fittingly packed.

Pengiran Jaludin P.L., the Postmaster General has said in a statement that these items for despatch by the weekly deferred mail service from Brunei to the

United Kingdom should be properly packed in a metal or plastic container to avoid damage by rodents.

He has advised the public that the postal service departments will refuse to accept any improperly packed packets containing such items.

BERKAITAN dengan perkara hukum halal-haram, ada pula orang yang tiada tahu hukum2 agama, dan tiada pernah menuntut dan belajar sa-chara berguru dan dengan tiada membacha atau belajar hukum2 agama lebeh dahulu, nampak-nya orang saperti ini berani mengatakan sa-suatu hukum agama di-hadapan ramai, dengan menggunakan akal sa-mata2, agak2 dan chongak2, dan orang2 itu pula terpengaruh dengan orang2 Eropah yang menyangka agama itu buatan manusia (dari proses perjalanan hidup manusia) atau timbol dari pergolakan masaalah ekonomi atau masaalah sosial dan kebudayaan.

Mungkin perkara tersebut benar bagi lain2 agama, tetapi hendak-lah orang2 itu ketahui bahawa agama Islam itu berpuncha dari wahyu Allah yang turun ka-atas Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam). Agama Islam berpandukan kepada Al-Kor'an dan hadith2 Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam), bukan dari akal dan agak2 dan sa-umpama-nya.

Al-Imam Ash-Sha'rani (yang meninggal tahun 973 Hijrah) dalam Kitab **Al-Mizan** mengatakan: "Telah di-maklomi dan di-ketahui bahawa hadith2 Rasulullah itu menerangkan Al-Kor'an kerana dalam Al-Kor'an ada perkara2 yang ijmali (perkara yang tidak jelas). Begitu juga bahawa ulama besar mujtahidin itu menerangkan kepada kita perkara2 yang ijmali dalam hadith2 (Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassallam) itu, pengikut2 ulama besar2 mujtahidin itu pula menerangkan kepada kita perkara2 yang ijmali dari perkataan ulama besar mujtahidin sebelum-nya. Begitu-lah seterusnya."

MENUNTUT ILMU

Berkata **Al-Allamah Muhammad Al-Kurdi**, yang meninggal tahun 1194 Hijrah (pengarang **Al-Fawaed Al-Madaniyah**): "Hendaklah di-ambil ilmu agama Islam itu dengan chara belajar daripada guru2 yang berkeelayakan dan berkebolehan dalam bidang ilmu agama. Ada pun mengambil ilmu Islam dengan tiada berguru itu, tiada-lah boleh, kerana Nabi (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) telah bersabda:

إِنَّمَا الْعِلْمُ بِالتَّعَلُّمِ

Erti-nya: "Ada pun ilmu itu di-ambil dengan belajar." Ia itu di-samping sa-seorang itu mesti-lah mempunyai daya pemahaman yang baik dan akal yang cherdek serta sempurna.

MEMBAHAYAKAN UMAT ISLAM

Al-Allamah As-Syed Abdullah bin Umar bin Yahya, yang hidup pada tahun 1248 Hijrah dalam kumpolan fatwa-nya mengatakan: "Kebanyakan orang sekarang memahami ibarat ulama menyimpang dari

apa yang di-kehendaki oleh ulama itu sendiri. Ini disebabkan keberanian mereka mengeluarkan hukum dengan jahil dan bodoh itu, dan di-sebabkan salah faham mereka akan ibarat2 ulama, hal ini telah banyak membawa kerosakan kepada umat Islam."

DOSA BESAR

Berkata **Al-Imam Ibnu Hajar** dalam **At-Tuhfah**: "Sayugia di-ketahui bahawa dari perkara dosa besar itu ia-lah tiada belajar akan hukum yang menjadikan sah dan betul pada perkara yang wajib dan fardhu di-atas sa-seorang itu (hukum2 yang zahir bukan yang sulit2 dan halus2). Yakni sa-belum membuat sa-suatu perkara itu ada-lah wajib sa-orang itu mengetahui perkara2 yang wajib di-atas diri-nya, jika tidak ia ada-lah sentiasa dalam dosa besar". (Di-rengkaskan dari **Al-Qawaninus-Shar'iah** karangan **Al-Allamah Syed Othman bin Abdullah bin Yahya**, Mufti Betawi Jawa yang ada hidup pada tahun 1317 Hijrah).

Apa yang mendukachitakan pada hari ini, sa-tengah orang mahu menduduki berbagai2 jawatan dalam urusan agama yang perlukan pengetahuan yang baik dalam agama dan shara' sedangkan mereka itu sendiri jahil dalam perkara2 tersebut. Sudah tentu hal tersebut akan menyesatkan umat Islam dan merosakan agama Islam itu sendiri.

Ini-lah yang di-katakan dalam sa-buah hadith apabila tiada ada tinggal lagi orang alim di-sesuai tempat itu, maka orang2 di-tempat itu mengangkat ketua2 yang jahil2 atau wakil2 yang bodoh dan pemimpin2 yang dengan tiada tahu apa2 dalam perkara agama, bukan sahaja mereka itu memang sudah

sesat, tetapi menyesatkan pula orang2 Islam yang lain.

JANGAN AGAK2

Dalam sa-buah hadith daripada Sahabat **Abdullah bin 'Amru Ibnul 'As** telah berkata: "Saya telah mendengar Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبِضُ الْعِلْمَ انْتِزَاعًا يَتَّزِعُهُ مِنَ الْمَادِّ وَلَكِنْ يَقْبِضُ الْعِلْمَ بَقِيضِ الْعُلَمَاءِ حَتَّى إِذَا لَمْ يَبْقَ عَالِمٌ اتَّخَذَ النَّاسُ رُؤُوسًا وَفِي رَوَايَةٍ — رُؤُوسًا جَهَالًا فَسَلُّوا فَاذْكُوا بِغَيْرِ عِلْمٍ فَضَلُّوا وَاضْلَلُوا.

Hadith ini di-riwayatkan oleh **Al-Imam Al-Bokhari** dan **Muslim**, erti-nya: "Bahawa Allah tiada mengambil ilmu itu dengan ditarek daripada hamba2 Allah, tetapi Allah tarek kembali ilmu agama itu dengan mematikan ulama, sa-hingga tiada tinggal lagi sa-orang pun (di-suatu tempat), lalu orang ramai mengangkat ketua2 yang bodoh dengu dalam agama. Orang ramai pun bertanya akan hukum2 agama kepada mereka, mereka pula memberi fatwa dan mengeluarkan sa-suatu hukum dengan tiada berilmu (main agak2, chongak2

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.S., P.H.B.S., P.I.S., Ashar dan U. Calne, Melaka

HUKUM HALAL-HARAM

Siri ke-34

Sa-tengah orang mahu menduduki berbagai2 jawatan dalam urusan agama yang perlukan pengetahuan yang baik dalam agama dan shara' sedangkan mereka itu sendiri jahil dalam perkara2 tersebut

dan ikut2 bukan dengan mengerti, yakin dan faham betul). Dengan yang demikian mereka telah sesat (tiap2 sesat bertempat di-neraka jahanam), di-samping itu mereka juga menyesatkan ramai umat Islam dengan keputusan dan pendapat2 mereka."

Pada kesimpolan-nya, hendak-lah di-ketahui hukum2 shara' dan hukum halal-haram itu di-ambil dan berpuncha dari **Al-Kor'an**, **Hadith**, **Ijma' Ulama Islam** dan **Qias Shara'**, bukan dari chongak2 dan agak2 atau serkap jarang. Akal di-gunakan hanya untuk memahami sa-suatu dari dalil2 Agama Islam itu.

LAUT BERGELORA

Jika ada orang2 yang chuma tahu hukum2 yang zahir dari kitab2 perukuman atau dari nota2 dan fatwa2 dalam surat2 khabar, kemudian dia hendak berlagak dan chuba membahaskan perkara yang sulit2 dalam masaalah agama, maka orang itu saperti sa-orang yang berlayar dalam sungai2 dengan perahu-nya, kemudian dia menuju ka-laut lepas dengan sangkaan bahawa diri-nya sudah layak belayar dengan perahu-nya di-laut yang bergelora itu.

WALLAHU A'ALAM

DI-DALAM teori atau pendapat2 ahli pendidekan moden ada mengatakan bahawa sa-lain dari pelajaran yang di-dapati di-sekolah2 yang dapat memberi pengajaran dan pelajaran kepada sa-tiap anak2 kita, maka suasana alam sekitar yang merupakan keadaan kehidupan kemasyarakatan di-mana anak2 itu berada, atau dengan erti kata lain di-mana kanak-kanak itu hidup bergaul, bermain-main dan bermasyarakat atau berkumpul-kumpul sama dengan rakan yang sa-baya dengan mereka atau pun dengan golongan orang2 yang lebih tua dari mereka sa-hari2 yang sa-demikian itu, ada-lah juga dapat membentok peribadi, sikap dan tingkah laku mereka. Ia-itu melalui pengalaman2 dan apa yang mereka lihat dan pandang.

Dan sifat sa-tiap kanak-kanak itu ada-lah begitu mudah untuk meniru dan mengikut sa-tiap apa jua yang mereka lihat dan amat-amati, tanpa memperdulikan samada perkara itu mendatangkan faedah kepada mereka atau pun tidak.

Sa-benar-nya pendapat ahli2 pendidekan di-atas tadi telah pun ada terlebih dahulu didalam ajaran2 atau pun pendidekan Islam yang telah wujud sejak kira2 1,400 tahun yang lalu, di-mana pernah Rasulullah s.a.w. menerangkan tentang pengaruh2 alam sekitar terhadap kesan-nya kepada sa-seorang kanak-kanak ia-itu sa-bagaimana sabda Baginda di-dalam sa-buah hadith yang saheh yang bermaksud: *Tiap anak y a n g di-lahirkan ada-lah di-dalam keadaan fitrah (suci dan bersih dari sa-barang dosa dan kekotoran) maka kedua ibu-bapanya-lah yang menjadikan Nasrani (Keristian) atau pun Majusi.*

Maka dari hadith itu dapat di-fahamkan bahawa keadaan ibu-bapa kanak-kanak itu dan juga suasana dan keadaan alam sekitarnya ada-lah merupakan salah satu faktor atau unsur bagi pembentukan sikap peribadi serta tingkah laku dan juga pemikiran kanak-kanak itu, kerana kalau-lah ibu-bapa kanak-kanak itu tidak dapat menunjukkan sikap atau peribadi atau pun tingkah laku sa-bagai sa-orang muslim, maka bagaimana-kah pula si-anak akan dapat menjadi sa-orang yang berperibadi muslim. Dari itu kalau-lah di-rumahnya kanak-kanak itu tidak pernah melihat ibu-bapa-nya atau keluarga2-nya

DIDEKAN ANAK2 DENGAN LUNAS2 AJARAN ISLAM

yang lain mendirikan sembahyang atau berpuasa, maka bagaimana-kah si-anak itu tahu apa yang di-katakan sembahyang atau puasa itu.

Sa-bagai sa-buah keluarga Islam ada-lah menjadi tanggungjawab kepada sa-tiap ibu-bapa bahkan ia-nya merupakan suatu amanah daripada Allah kepada mereka untuk menjadikan anak2 mereka sa-bagai sa-orang yang benar2 muslim baik dari segi peribadi, sikap, pemikiran tingkah laku apa-tah lagi dari segi keperchayaan (iktikad-nya), bukan dengah mengasoh dan menanamkan di-jiwa kanak-kanak itu dengan pengaruh2 dan chara2 hidup yang langsung tidak mempunyai unsur atau bau ke-Islaman saperti mengadakan parti2 hari jadi yang langsung tidak di-selitkan dengan do'a selamat dan sa-bagai-nya malah dihidangkan pula dengan lagu2 dan irama2 disko dan sa-bagai-nya, maka sikap yang saperti ini ada-lah sangat2 bertentangan dengan ajaran dan chara2 hidup yang di-kehendaki oleh Islam.

Sa-benar-nya tidak-lah mendatangkan apa2 kerugian baik di-dunia mau pun di-akhirat bila kita mendidik dan mengasoh anak2



kita dengan ajaran2 dan chara hidup Islam bahkan dengan mengasoh mereka itu hingga menjadi anak yang saleh ada-lah suatu keberuntungan kepada kedua ibu-bapa sa-bagaimana di-nyatakan oleh Rasulullah s.a.w. di-dalam hadith Baginda yang kira2 bermaksud: *apabila sa-seorang itu mati maka segala perbuatan dan amalan-nya akan terputus melainkan tiga perkara, ia-itu sedekah dan amal jariah-nya, ilmu berfaedah yang telah di-ajarkan dan anak-nya yang saleh yang akan mendo'akan ia-itu sa-masa ibu-bapanya di-dalam kubor.*

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 4hb Jun, 1980 hingga ka-hari Selasa 10hb Jun, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini:

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
4hb Jun	12.25	3.45	6.35	7.47	4.37	4.52	6.06	
5hb Jun	12.25	3.45	6.35	7.47	4.37	4.52	6.06	
6hb Jun	12.25	3.45	6.36	7.48	4.37	4.52	6.06	
7hb Jun	12.25	3.45	6.36	7.48	4.37	4.52	6.06	
8hb Jun	12.25	3.45	6.36	7.48	4.37	4.52	6.06	
9hb Jun	12.25	3.45	6.36	7.48	4.37	4.52	6.06	
10hb Jun	12.25	3.45	6.36	7.48	4.37	4.52	6.06	

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

KITA sering kali mendengar akan kata2 yang berbunyi bahawa "Sembahyang tiang ugama". Kata2 yang sering kita dengar ini bukan-lah satu kata2 yang kosong, atau kata2 yang di-luarkan oleh manusia biasa, tetapi sa-benar-nya ia ada-lah satu ungkapan yang mempunyai pengertian yang luas dan dalam serta di-luarkan pula oleh manusia agong ia-itu junjongan kita Rasulullah s.a.w.

Ungkapan kata2 ini ada-lah berasal dari maksud sa-buah hadith Rasulullah yang di-riwayatkan oleh Al-Baihaqi dari Umar radhiallahu 'anhu yang bermaksud: *"Sembahyang itu tiang ugama, barangsiapa mendirikan-nya ia mendirikan ugama dan barangsiapa meruntuhkan sembahyang sa-sungguh-nya ia telah meruntuhkan ugama"*.

Dari maksud hadith Baginda Rasulullah ini dapat kita simpulkan bahawa ugama itu sa-olah2 satu bangunan, di-mana tiang, atau asas kekuatan untuk mendirikan-nya ia-lah ibadah sembahyang. Sa-buah bangunan pada hakikat-nya ada-lah bergantung sa-penohnya pada kekuatan asas atau tiang, di-situ-lah letak-nya keupayaan sama ada sanggup menerima beban yang berat, menerima segala aneka gegaran, atau menerima segala serangan tiupan angin yang datang melanda. Jika-lah asas atau tiang tegoh, maka akan terdedah-lah ia kepada keruntutan dan kemusnahan.

Begitu-lah hakikat-nya ugama, di-mana ugama itu akan runtuh dan musnah, jikalau asas-nya, ia-itu ibadah sembahyang tidak di-jaga dengan sa-benar2-

Berdiri Sembahyang tegak-lah Ugama

nya oleh sebab kita telah sedia maklum bahawa kehidupan berugama kita ini ada-lah terdedah kepada beraneka macham gegaran pengaruh serta ribut keinginan nafsu yang sentiasa terdapat di-seliling kita maka ha-nya dengan asas kekuatan ugama yang kuat-lah kita akan berdaya untuk menghadapi segala-nya itu.

Yang demikian, ibadah sembahyang dalam ugama Islam ada suatu ikatan yang tidak dapat di-cheraiakan jika sa-andai-nya ibadah tersebut senhaja di-lengah-lengahkan maka akan rosak-lah ugama kita itu.

Al-Imam Ahmad pernah berpesan "Sembahyang itu tiang ugama Islam, sa-sudah hilang lenyap ibadah sembahyang, hilang lenyap-lah Ugama Islam. Sembahyang ada-lah akhir-nya bagi ugama, barang siapa telah menghilangkan akhir ugama-nya, bererti telah hilang semua ugama-nya. Kerana itu pegang tegoh-lah akan ibadah sembahyang itu jangan-lah di-sia-siakan atau di-mudah-mudahkan ada-lah patut di-ketahui, bahawa sa-nya rumah apabila telah patah tiang-nya maka tiada-lah berguna lagi dinding2-nya dan kasau2-nya.

Kursus untuk bakal2 haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 1,379 bakal2 haji telah memulakan Kursus Haji pada 1hb Jun 1980, dan ia-nya akan di-adakan pada tiap2 hari Ahad. Kursus yang di-anjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei itu akan di-adakan di-ke-empat2 daerah. Sa-banyak 11 pusat di-Daerah Brunei dan Muara ia-itu: —

1. Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei.

2. Dewan Sekolah Mene-nah Arab Perempuan Raja Isteri Anak Damit, Brunei.

3. Dewan Sekolah Melayu Delima Satu, Berakas.

4. Dewan Sekolah Melayu Amar Pahlawan, Brunei.

5. Dewan Sekolah Melayu Pengiran Di-Gadong Haji Mohd Salleh, Brunei.

6. Dewan Sekolah Perse-diaan Inggeris Dato Gudam, Brunei.

7. Dewan Sekolah Rendah Melayu Pehin Dato Jamil, Kampong Setia, Brunei.

8. Dewan Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Kg Lurong Dalam, Brunei.

9. Dewan Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampong Saba, Brunei.

10. Dewan Sekolah Melayu Dato Gandhi, Brunei.

11. Madrasah Setia Ali, Muara, Brunei.

Sementara di-Daerah2 Belait akan di-adakan di-Dewan Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kuala Belait; Daerah Temburong bertempat di-Dewan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiyah, Temburong dan Daerah Tutong di-Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Nor'ain, Tutong.

Juruchakap penganjor kursus jemaah haji meng-harapkan semua bakal2 jemaah haji akan menghadiri kursus tersebut sa-bagaimana ketetapan tempat2 dan jadual yang telah di-ator-kan. Walau bagaimana pun ada terdapat perubahan tempat ia-itu mereka yang di-ator-kan untuk berkursus di-Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mas-na, Batu 1½ Jalan Tutong. Bandar Seri Begawan hendak-lah menghadirkan diri ka-Dewan Sekolah Mene-nah Arab Perempuan Raja Isteri Anak Damit, Batu 1½ Jalan Tutong manakala mereka yang di-ator-kan berkursus di-Dewan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan mereka di-minta hadir ka-Dewan Sekolah Melayu Delima Satu, Berakas.

Bingkisan
minggu
ini

Pusat Latehan Pertanian Sinaut

PROJEK pertanian di Sinaut bermula dari tahun 1964 apabila Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad mengemukakan chadangan kepada Kerajaan Negeri Brunei kerana hendak mengadakan satu projek menguruskan ladang yang dapat memberikan sumbangan dalam memajukan perusahaan pertanian di-negeri ini. Segala galakan telah di-berikan oleh Kerajaan dan sa-telah di-siasat beberapa buah tempat yang mungkin sesuai bagi-nya, satu kawasan telah di-pilih di-batu 21 Kampong Sinaut, yang terletak antara Bandar Seri Begawan dan Tutong.

Kawasan seluas 21 ekar dan tanah-tanah di-situ serta rupa-bumi-nya berbeza-beza sa-bagaimana yang di-dapati di-kawasan2 ladang di-negeri ini telah di-teroka lalu di-adakan empat buah yunit pekebun kecil. Tiap2 satu dari mereka itu menjalankan sa-buah perusahaan utama dan satu dua perusahaan kecil. Perusahaan utama itu ia-lah getah, lada sulah, padi dan lembu daging. Laporan2 berkenaan kemajuan projek itu diterbitkan pada tiap2 tahun dari tahun 1966 hingga tahun 1973. Dan lagi sa-telah beberapa lama, dapat-lah di-nilai kesanggupan segi ekonomi terhadap sistem2 tanaman serta ternakan utama untuk di-usahakan oleh pekebun kecil mengikut keadaan yang ada di-Negeri Brunei ini. Akhirnya dalam tahun 1974 satu kajian pelbagai pengurusan ladang di-terbitkan bagi pehak Kerajaan.

Di-samping itu perbincangan2 telah di-adakan terhadap masa depan projek Sinaut dengan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, Pengarah Pertanian dan ahli2 Jawatankuasa Kecil dalam Pertanian, Perikanan dan Kehutanan dalam Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun bagi 1975 — 1979. Kedua-dua belah pihak menchapai persetujuan hendak menggunakan pengalaman yang diperolehi dalam projek pengurusan ladang itu sa-bagai asas rancangan latehan pertanian dan seterusnya sa-telah di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, projek Sinaut telah di-jadikan sa-bagai Pusat Latehan Pertanian bagi Negeri ini.

Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad menyumbangkan kawasan sa-luas dua puluh satu ekar yang telah di-maju itu serta di-lengkapkan oleh-nya dan Kerajaan Brunei mengeluarkan modal bagi membina sa-buah blok tempat tinggal yang boleh menampung enam puluh orang, bilik2 darjah dan kemudahan2 bagi pejabat. Kos kendalian di-tanggung hampir sama banyak-nya oleh kedua-dua belah pihak dan bahagian

yang di-sumbangkan oleh Sharikat Shell Brunei ia-lah gaji bagi pengajar2 kanan, membeli buku2 dan pelbagai barang yang berkaitan dengan-nya. Rancangan mendirikan bangunan dan memajukan ladang telah di-mulakan pada pertengahan tahun 1975, dan pelatoh2 pertama telah di-ambil dalam bulan Januari, 1976 dan kemudahan2 bagi-nya siap dalam bulan Jun, 1977.

Perkara yang di-titik beratkan dalam rancangan latehan mereka yang tinggal di-situ pada tahun 1976 dan 1977 ia-lah latehan pemuda2 menjadi peladang untuk perniagaan. Ini difikirkan sa-bagai sumbangan yang mustahak terhadap meluaskan lagi perladangan untuk perniagaan di-negeri ini dan wajar-lah latehan itu di-mulakan di-sebuah Pusat latehan yang baru. Matalamat terhadap perkara yang baru di-sebutkan itu ia-lah hendak memberi peluang supaya dapat di-tumpukan chara2 kemahiran mengajar dan berladang dari permulaan-nya berdasarkan kepada pengetahuan yang lengkap dan keupayaan mengamalkan berladang.

Dalam tahun 1978 keputusan telah di-ambil hendak mengadakan dua kursus lagi di-perengkat juruteknik rendah. Salah satu daripadanya di-tujukan bagi latehan kakitangan dalam rancangan menanam padi yang di-adakan oleh Kerajaan dan yang satu lagi ia-lah mengadakan kakitangan orang Brunei yang berkelayakan untuk menjaga projek ternakan yang di-adakan oleh Kerajaan dan perdagangan. Kedua-dua kursus ini telah di-mulakan dalam tahun yang di-kaji.

Salah satu yang di-berikan keutamaan dalam rancangan mengajar pada tahun 1979, maseh latehan belia2 untuk menjadi pel-

dang sepenoh masa dalam bidang perniagaan. Keperluan2 untuk memasokinya ia-lah mereka hendak-lah terdiri dari orang lelaki, berumur antara lapan belas dan dua puluh lima tahun, raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan dan tamat sekurang2-nya dalam Tingkatan III di-sekolah menengah aliran Melayu atau aliran Inggeris.

Semasa di-adakan pemilihan untuk pengambilan yang pertama dalam tahun 1976, Jabatan Pertanian telah mengesahkan supaya chalon yang akan di-ambil itu hendak-lah di-pilih dari Mukim yang di-tentukan dengan maksud menghantarkan mereka balek semula ka-kampung-nya sa-telah tamat berlatehan. Dalam pada itu, chara2 ini menimbulkan kesulitan dalam pentadbiran dan seterusnya sistem itu di-ubah bagi membolehkan mengadakan pilihan di-seluruh negeri dengan tidak menentuiarah terhadap sa-sebuah tempat tinggal di-luar bandar. Penempatan seterusnya di-kelolakan dengan berdasarkan kepada kaum bagi memudahkan memajukan tanah, pengurusan ladang dan mengadakan perkhidmatan2 (input services). Pelatoh2 pertama yang berjaya sa-ramai dua puluh enam orang telah di-berikan tanah yang di-wartakan bagi maksud ini oleh Jabatan Pertanian di-sebelah selatan Steshen Pertanian di-Luahan. Mereka di-beri hak berladang di-kawasan yang di-untukkan kepada mereka masing2 oleh Jabatan berkenaan, yang mengelolakan juga serta mentadbirkan satu pemberian dan kemudahan meminjam bagi membantu petani2 muda di-perengkat permulaan di-yunit2 mereka dan juga mengadakan perkhidmatan penasihat dan pemasaran.



BANGUNAN Kuliah di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut.

Beberapa banyak pertolongan di-berikan kepada Pusat Latehan ini tiap2 tahun oleh ka-empat2 Pegawai Pertanian Daerah serta kakitangan mereka semasa memilih pelatoh2 pada tiap2 tahun. Sa-telah di-iklankan, urusan2 di-buat bagi menemu-duga pemohon2 yang memenohi kehendak2 pilihan awal dan ini di-adakan di-rumah2 mereka itu bersama2 dengan ibu-bapa atau penjaga-nya. Tertaklok kepada kehendak2 selanjut-nya yang mana termasuk-lah kebenaran serta sokongan dari keluarga mereka itu, chalon2 yang ada nama-nya dalam senarai di-temu-duga dengan rasmi di-Pusat Latehan.

Panel untuk menemuduga ada-lah terdiri dari mereka yang di-ambil dari Pejabat Daerah dan kakitangan di-Pusat Latehan. Chalon2 yang berjaya di-kehendaki lulus dalam pereksaan doktor sa-belum masuk berkursus.

Jadual seperti di-bawah ini menunjukkan bilangan pelatoh2 yang di-ambil di-Pusat Latehan bagi menjalankan Kursus Peladang Muda antara tahun 1976 dan tahun 1979.

Pengambilan bagi Kursus

Daerah	1976	1977	1978	1979
Brunei/Muara	6	17	6	9
Belaait	2	2	3	—
Tutong	5	4	3	5
Temburong	5	1	1	—
Jumlah pengambilan	18	24	13	14

Banyak-nya pengambilan yang di-tetapkan dalam tahun 1978 lebih kurang sa-ramai 14 orang dan ada lima puluh lapan permohonan dalam tahun 1979, dari mana 37 orang atau 64% dari mereka itu memenohi shara2 untuk di-pilih. Dua puluh lima orang dari mereka ini telah di-masokkan kedalam senarai untuk di-temu-duga dan akhir2-nya empat belas orang telah di-pilih bagi menjalani satu rancangan membiasakan diri bersama-sama dengan ibu-bapa mereka pada 27hb Mach.

Kursus itu dengan rasminya bermula pada 2hb April. Kursus itu ada-lah sa-lama dua tahun dan rancangan latehan terbahagi kepada tiga yunit tertentu. Pada enam bulan yang pertama, yang di-titik beratkan ada-lah mengenai asas sains pertanian, yang mana tiga jam sehari belajar di-bilik darjah dan tiga jam lagi di-ladang. Pelajaran sa-chara teori meliputi mempelajari tanah-tanah serta

chuacha Negeri Brunei, bagaimana pokok2 dan haiwan hidup, bertambah besar dan membiak, berkenaan baja dan pengenalan terhadap melindungi pokok dan latehan kemahiran yang mudah seperti perjalanan jentera sa-buah penyukat kechil, asas pertukangan, membuat kongkerit dan memagar. Juga termasuk mengulang-kaji berkenaan asas ilmu kira2.

Kerja2 praktikal terhadap segala perusahaan utama di-ladang Pusat itu di-laksanakan oleh kumpulan kecil yang terdiri dari tiga empat orang pelatoh, akan tetapi perhatian khas di-berikan terhadap menanam sayur. Lawatan2 di-adakan oleh para pelatoh ka-pelbagai kawasan rupabumi dalam negeri ini, pelbagai Bahagian Jabatan Pertanian dan ladang2 perdagangan dan juga ladang2 sa-chara sambilan.

Yang di-titik beratkan di-ubah pada enam bulan yang kedua dalam kursus itu bilamana kerja2 praktikal berkisar kepada latehan kemahiran. Di-perengkat ini pelatoh2 itu di-kehendaki memilih satu perusahaan utama untuk masa depan mereka, yang mana bagi mereka yang di-ambil pada tahun 1979 ia-lah pokok2 tanaman (pokok buah2an, pokok kopi dan pokok kelapa), lada di-berikan perhatian khas semasa belajar di-bilik darjah dan membuat kerja praktikal. Dan lagi chatetan lengkap menunjukkan sa-lama segala kegiatan praktikal yang di-perlukan untuk menanam tanaman itu di-simpan oleh tiap2 orang pelatoh. Minat yang luas diteruskan juga dalam lain2 perusahaan dan akaun mengurus-

tangan oleh pengajar yang juga menyimpan satu fail berasingan terhadap kemajuan tiap2 orang pelatoh. Tujuan rancangan itu ia-lah segala kemahiran bagi orang perseorangan hendak-lah di-ajar, di-amalkan sambil di-awasi serta di-uji menjelang tamat-nya latehan tahun satu bagi pelatoh itu di-Pusat Latehan. Ini memberikan masa untuk memastikan kecekapan-nya di-luar pada tahun dua.

Ujian bulanan sa-chara objektif terus di-adakan bagi segala kerja teori dan penilaian tiap2 tiga bulan sekali di-adakan terhadap kerja amali dan sikap pada keseluruhan-nya. Dan lagi pemeriksaaan tiap2 minggu di-adakan terhadap buku chatetan luar orang perseorangan itu. Graf dalam Rajah 2 menunjukkan markah maksima, pulok rata dan minma yang di-perolehi dalam tahun 1979 oleh para pelatoh dalam ujian2 serta nilai yang di-adakan.

Latehan tahun dua menjadi masa untuk mendapatkan perantisan sa-chara praktikal. Terpujkap kepada pilihan perusahaan utama oleh para pelatoh itu pada tahun satu, tiga buah perusahaan kecil di-pilehkan untuk mereka. Ini sa-chara teori akan menggenapkan sa-chara agronomi berkenaan perusahaan utama, asas latar belakang terhadap buroh dan diharapkan juga mengetahui mengenai kos yang berbeza-beza dan kos tetap keatas ladang2 mereka di-masa depan.

Pada tahun 1979 sa-kali lagi perlu menyerapkan pelatoh2 tahun dua ka-ladang Pusat Latehan kerana tidak ada ladang perdagangan yang memadai untuk memberikan pengalaman praktikal yang di-perlukan bagi mereka itu. Enam bulan dari tempoh itu di-gunakan untuk bekerja dalam perusahaan utama yang di-tetapkan sedangkan masa selebih-nya di-bahagi2kan dalam perusahaan2 kecil. Matalamat untuk di-lateh dalam bahagian praktikal pada tahun itu ia-lah bagi memperkuatkan stamina, menambahkan lagi kemahiran praktikal yang telah di-pelajari pada tahun satu, memajukan pengetahuan terhadap pengurusan sa-buah perusahaan ladang dari sa-hari ka-sehari dan memberikan peluang menchatetkan kira2 pengurusan ladang harian dalam sa-buah perusahaan yang maju.

Banyak-nya masa belajar mengenai chatetan ladang (farm diary) di-kurangkan pada tahun itu dari sa-minggu sa-kali kepada sa-bulan sekali. Ini menghentikan berulang-nya data teknikal dan memberikan masa untuk mengadakan beberapa siri kumpulan berbincang dalam pasukan. Pelatoh2 sa-chara perseorangan menyedikan maklumat perusahaan mereka itu lalu ini di-bentangkan dalam satu pasukan untuk membincangkan-nya yang di-pengerusikan oleh sa-orang pegawai. (BERSAMBONG)



DUA orang pelatoh peladang muda menjalani latehan praktikal di-ladang.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 4HB JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 TARZAN, LORD OF THE JUNGLE
5.30 SPREAD YOUR WINGS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 KIDNAPPED
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 MORK AND MINDY — "Star Racing Mork"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAPPER JOHN M.D. — "Warning: It May Be Dangerous To Your Health"
7.47 AZAN ISHA
7.51 TRAPPER JOHN M.D. — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 INTER STATE TENNIS TOURNAMENT
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 PARIS — "Once More For Free"
Dua falsafah pulis yang berlainan menyebabkan perselisihan yang membahayakan di-antara Woody Paris dan penasihat tua-nya dalam satu kes sa-orang pembunuh yang sukar di-tangkap.
9.55 TAYANGAN GAMBAR TV: "Cat On A Hot Tin Roof".
11.55 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 5HB JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 A PLACE TO LIVE
5.15 AL-KESAH
5.35 SPIDERMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SALVAGE
6.35 AZAN MAGHRIB
6.39 SALVAGE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CENTENNIAL
7.47 AZAN ISHA
7.51 CENTENNIAL — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 INTER STATE TENNIS TOURNAMENT
8.45 HIDAYAT
9.15 DUNIA MINGGU INI
9.45 DOCUMENTARY: "Collision Course" Bahagian pertama.
10.45 HAGEN — "Nightmare"
11.35 U.S. MASTERS GOLF
12.25 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 6HB JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 BAD NEWS BEARS
5.00 STAR MAIDENS — "Test For Love"
Liz terus berpura2 mengangapkan Rudi sa-bagai orang bawahan. Bila di-tinggalkan, mereka meranchang untuk melarikan diri, tanpa menyedari baha-

wa pergerakan mereka sedang di-kesan.

- 5.30 THE MUPPETS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CASPER AND THE ANGELS
6.26 DICK TURPIN — "Elixir of Life"
6.36 AZAN MAGHRIB
6.40 DICK TURPIN — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TELEMATCH
7.48 AZAN ISHA
7.52 TELEMATCH — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 INTER STATE TENNIS TOURNAMENT
8.45 PERADUAN NASHID MENYAMBUT ISRA MERAJ
9.15 BENSON — "Snowbound"
Kesejokan, kelaparan dan darah-nya yang gemuruh menyelimuti diri-nya sa-panjang hari bila governor dan kakitangan-nya terperangkap dalam salji di-sebuah pondok pergunungan yang terpencil.
9.45 QUINCY — "Speed Trap"
Serpehan bahan letupan sa-buah kereta lumba yang laju di-sebuah jalan menyebabkan kematian sa-orang bekas pemandu Grand Prix, tetapi peperiksaan mayat oleh Quincy menimbulkan keraguan di-mana pelanggaran itu mungkin di-sebabkan oleh pembunuhan.
10.35 U.S. MASTERS GOLF
11.25 SIARAN TAMAT.

SABTU - 7HB JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SCOOPY DOO — "Don't Go Near Fortress of Fear"
Kumpulan ini berchuti di-Puerto Rico dan melawat muzium tempatan di-mana mereka menyaksikan rompakkan barang2 berharga.
6.30 BEWITCHED — "A Bunny For Tabitha"
Uncle Arthur membuat Bunny bertambah banyak dan bukan pula kian meng-hilang.
6.36 AZAN MAGHRIB
6.40 BEWITCHED — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DALLAS — "Mother of the Year"
Si-Ewing termuda menimbulkan penderitaan dan perselisihan di-kalangan keluarga-nya.
7.48 AZAN ISHA
7.52 DALLAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 TAYANGAN FILEM MELAYU
10.45 BIG VALLEY — "Target"
11.35 SIARAN TAMAT.

AHAD - 8HB JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE
5.30 BASIC SPORTS SKILLS
5.45 HANDFUL OF SONGS
6.00 RENGKASAN BERITA



EDWARD Winter sa-bagai pelakon undangan bersama2 Shirley Jones dan Rosanna Arquette dalam "Separate Agendas" episod "Shirley" yang di-tayangkan pada hari Selasa jam 6.05 petang.

- 6.05 YOGI'S SPACE RACE
6.30 AUDUBON WILDLIFE THEATRE — "Sounds of Nature"
6.36 AZAN MAGHRIB
6.40 AUDUBON WILDLIFE THEATRE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK
7.48 AZAN ISHA
7.52 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 INTER STATE TENNIS TOURNAMENT
8.45 JUST FRIENDS — Susan pergi ka-bank untuk menyelesaikan satu kesilapan kira2 dan berkesudahan dengan diri-nya di-tangkap oleh sa-orang perompak radioaktif.
9.15 KATE LOVES A MYSTERY
10.05 LOVE AMONG THE ARTISTS
10.55 TALES OF THE UNEXPECTED — "Man From the South"
Jose Ferrer mengubah chuti Caribbean yang penoh dengan kemewahan berubah menjadi permainan judi yang dahshat bila ia membuat pertarohan yang ganjil dengan sa-orang pemuda Amerika.
11.45 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 9HB JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HERE COMES MUMFIE
5.15 LEARNING TREE
5.30 BIG BLUE MARBLE
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 LIFE AND TIMES OF GRIZZLY

ADAMS — "Fugitive"
Grizzly menemui sa-orang lelaki dalam usaha-nya mencari sa-buah beg yang hilang.

- 6.36 AZAN MAGHRIB
6.40 LIFE AND TIMES OF GRIZZLY
ADAMS — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS
7.48 AZAN ISHA
7.52 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 EISCHIED
9.40 LIVE AT THE FORUM
10.30 LOU GRANT
11.10 SIARAN TAMAT.

SELASA - 10HB JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 CASTAWAY — "The Man From the Sea"
5.30 BATTLE OF THE PLANETS — "Super Space Spies"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SHIRLEY — "Separate Agendas"
6.36 AZAN MAGHRIB
6.40 SHIRLEY — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 STONE — "Death Run"
7.48 AZAN ISHA
7.52 STONE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ISRA MERAJ (Siaran Terus Menerus)
11.00 SIARAN TAMAT.



RANCHANGAN dari Kampong ka-Kampong kali ini memuatkan achara di-sekitar rakaman di-Kampong Bukit Udal.

Dalam gambar atas kelihatan penerbit ranchangan Ali Haji Aji dan pegawai ranchangan Mohd Daud Metarsad sedang membuat rakaman samasa perayaan ke-21 tahun Adu Gayuh masyarakat Dusun yang di-adakan baru2 ini.


★

KATHY Jones dan Keith Field menjayakan ranchangan untuk kanak2 HANDFUL OF SONGS. Ranchangan ini akan ka-udara pada tiap2 hari Ahad jam 5.45 petang.

★

RANCHANGAN dari Sekolah Ka-Sekolah minggu ini akan di-sertai oleh Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah Kuala Belait. Kandongan-nya akan di-muatkan dengan kegiatan sekolah ini dan juga aktiviti2 pelajar-nya.

Gambar bawah kelihatan penuntut2 itu ketika membuat rakaman di-Studio Radio Brunei.



DOCUMENTARY:

Kemalangan di-udara dalam COLLISION COURSE

PELANGGARAN kapalterbang di-udara yang paling dahshat di-dunia terjadi di-Zagreb, Yugoslavia, di-antara British Airways Trident dan jet charter chuti Yugoslav. Tidak sa-orang pun yang terselamat; bilangan kematian berjumlah 176 orang !

Richard Weston mempunyai minat yang khusus dalam pelanggaran itu: teman wanita-nya, Ruth Pederson, sa-orang pelayan di-kapalterbang British itu. Sa-bagai sa-orang peguam, Richard mewakili keluarga Ruth menuju ka-Yugoslavia untuk menyertai kumpolan yang mendakwa kechuaian pengawal2 trafik udara yang menyebabkan pelanggaran itu. Di-bawah undang2 Yugoslav, ini merupakan satu kesalahan jenayah, yang boleh membawa hukuman maksima 20 tahun penjara.

Tetapi Richard Weston mendapati diri-nya pula membuat satu ucapan untuk pembelaan.

Ia-nya bukan-lah kechuaian jenayah, tegas-nya, tetapi ketidakcheapan dalam sistem kawalan trafik yang mengorbankan 176 nyawa kekurangan bilangan kakitangan dan keadaan2 bekerja yang dihadapi oleh kakitangan2-nya. Weston menemui orang2 yang di-tudoh, dan khusus-nya Gradimir Tasic, orang yang di-tudoh sa-bagai puncha utama-nya.

Pandangan-nya tidak menyenangkan pembela dan juga pehak2 yang berkuasa Zagreb, tetapi ia berjaya membebaskan kesernua orang dari tuduhan kechuaian sa-orang pembela. Tasic di-dapati bersalah dan di-hukum hingga tujuh tahun penjara.

Collision Course di-olah semula dengan penoh detail akan kejadian2 yang mengerikan pada 10hb September, 1976, dengan pelakun2 berlakun sa-bagai orang2 sa-benar-nya terlibat.



Antisari RTTB minggu ini

SAWAH KITA MINGGU INI



ANIN ERIH, Timbalan Pengetua katan Enam akan mengisikan ran-SWAHA BRUNEI minggu ini. Be-a memperoleh ijazah B.A. (Hons) dari Lanchester Polytechnic pada ta-

amah kami dengan beliau akan da-ikuti pada hari Ahad 8hb Jun 1980 agi dan ulangan-nya pada hari Rabu malam.

RANCHANGAN TVP DARI 9HB HINGGA 14HB JUN

ISNIN 9HB JUN

PAGI


9.20 SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI 'Magnet 1'

Ranchangan ini ada-lah bahagian per-tama dari siri ranchangan 'Magnet'. Dalam ranchangan ini murid2 akan be-lajar mengenai

- 1) Sejarah magnet
- 2) Apa-kah di-Kompas?
- 3) Chara2 membuat kompas mudah


Benarkan kompas sangat mustahak ka-pada pelaut? Bagaimana kompas bo-leh menolong mereka? Untuk menge-tahui jawapan-nya, ikuti-lah ranchangan ini.

Gambarajah jenis2 kompas.



Kompas mudah

PIRING ATAU BEKAS



JARUM KOMPAS

KERATAN GABUS

10.30 KAP KAP UDANG 101

Ranchangan kali ini di-isikan dengan aktiviti2 seperti RUANGAN BERLA-KON, KERJA TANGAN, BERSE-NAM, BOLA TUMBOK dan HALA-MAN BERCHERITA.

Di-ruangan KERJA TANGAN Chegu Sa'diah akan menunjokkan kanak2 chara membuat kerusi dan meja daripada ko-tak mancis.

Chegu Sa'diah akan bercherita tentang kesah sa-ekor tikus yang bernama 'Squeak'.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 101

SELASA — 10HB JUN

PAGI

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI 'Magnet 1'

10.30 KAP KAP UDANG 102

Chegu Sa'diah dan kanak2 akan mem-buat aktiviti2 seperti MAIN KUDA, LIHAT dan PERHATI, PA' LONG, AMINAH dan HALAMAN BER-CHERITA.

Di-ruangan LIHAT dan PERHATI Chegu Sa'diah akan melihatkan enam gambar dan kanak2 di-kehendaki me-neka mana2 gambar yang Chegu Sa'diah telah sembunyikan atau pindahkan. Chegu Sa'diah akan bercherita tentang kesah sa-ekor beruang Panda bernama 'Puff'.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 102

RABU — 11HB JUN

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 103

Ranchangan kali ini ada-lah ranchangan khas bagi menyambut Isra' Meraj. Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat

aktiviti2 SI-MANIS, TUNJOK BEN-DA, KATA SI-MANIS, AMINAH dan SIRI PERMULAAN.

SI-MANIS berpesan pada kanak2 supa-ya selalu taat kepada perentah ibu-bapa dan selalu menghormati mereka. Chegu Sa'diah bercherita kepada kanak2 tentang kesah sa-orang yang kehilangan pensil-nya. Akhir-nya pensil itu di-jumpai-nya terselit di-atas telinga-nya.

KHAMIS — 12HB JUN

PAGI

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI 'Magnet 1'

10.30 KAP KAP UDANG 104 BERMAIN MUSIK, GAMBAR DARI RUMAH, BERMAIN BAKUL, BE-LON SI-MANIS dan KAJIAN SEMU-LA JADI.

Di-ruangan GAMBAR DARI RUMAH Chegu Sa'diah akan melihatkan gam-bar2 yang di-terima-nya dan menyebut nama2 pengirim-nya sekali. Chegu Sa'diah akan melihatkan bunga2-an serta mengajar mereka mengenal warna serta jenis2-nya di-ruangan KA-JIAN SEMULA JADI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 104

SABTU — 14HB JUN

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 105

Chegu Sa'diah dan kanak2 akan mem-buat aktiviti2 seperti IKUT KETUA, YANG MANA GANJIL, AMIN, MAIN KERUSI dan HALAMAN BER-CHERITA.

Di-ruangan YANG MANA GANJIL Chegu Sa'diah akan melihatkan lima keping gambar di-dalam satu barisan dan mereka di-kehendaki meneka gam-bar yang ganjil di-dalam kumpulan tersebut. Chegu Sa'diah akan bercherita tentang sa-ekor burung bernama 'Chirp'.



(ATAS) Kerana menanggung beberapa masaalah, Gov. Gatling (James Noble, kiri) dan Benson (Robert Guillaume) kerap kali bertembong di-antara satu sama lain di-dapur di-tengah malam. (Bawah) malang sekali, mereka adakala-nya bertemu penjaga rumah yang garang Gretchen Kraus (Inga Swenson). Adigan2 ini terdapat dalam "Benson" siri komedi sa-tengah jam yang di-tayangkan pada tiap2 hari Jumaat jam 9.00 malam.

Menderma sambil berhibor dalam Lagu2

Permintaan Derma Anak2 Yatim

BUAT pertama kali-nya, Bahagian Melayu Radio Brunei, menyiarkan siaran langsung Lagu2 Permintaan Derma Anak2 Yatim, dari Studio Radio Brunei, di-Bandar Seri Bega-wan, dan Studio Radio Brunei, di-Kuala Belait. Kelihatan dalam gambar, Ak Sulaiman Pg Haji Tuah, sedang berada di-Studio Kuala Belait, sa-masa melayan per-mintaan daripada peminat2 mula2 di-siarkan pada 31hb Mei 1980 yang lalu.

Pendengar2 yang ingin men-derma, sila isikan Borang Permin-

taan, yang terdapat di-Pelita Brunei keluaran minggu lalu, atau menulis surat kepada Penerbit Lagu2 Permintaan Derma Anak2 Yatim, Peti Surat 6000, Pejabat Besar Pos, Brunei.

Lagu2 Permintaan Derma Anak2 Yatim, akan di-siarkan langsung dari Bandar Seri Bega-wan, dan Kuala Belait, pada TIAP2 HARI AHAD, jam 11.00 pagi hingga 12.00 tengah hari, sa-hingga menjelang Hari Raya.

Menderma-lah sambil berhibor.

Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Bengkel Radio (SU); 8.30—Permintaan Pagi Rabu; 9.30—Lagu dan Senikata; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Surat dari London; 10.30—Autograph Pendengar; 11.00—Teman Mekar; 11.30—Bingkisan Tanah Ayer—Azan Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Penyanyi Harapan; 1.30—Menjelang Rehat. PETANG: 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00—Untuk Belia; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung Asli; 6.00—Mukaddam, Azan Bingkisan Hari ini/Menunaikan Sembahyang. MALAM: 7.00—Seiring Jalan; 7.30—Siswazah Brunei (SU); 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Permintaan Sukaramai; 9.30—Salam Mesra (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.25—Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Rampai London; 8.15—Hiboran; 8.30—Melody Adek Ku (SU); 9.00—Dendang Antarabangsa; 9.30—Rampai Sari Hiboran (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Selangan 10.30—Permintaan Sukaramai; 11.30—Sinar Chahaya. T/HARI: 12.00—Lagu2 Melayu Asli, Azan Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Chitrawara; 1.30—Mari Menyanyi; 1.45—Menjelang Rehat. PETANG: 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00—Majallah Ugama/Petikan Soal Jawab Ugama; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Tafsir Al-Koran; 6.15—Mukaddam, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM: 7.00—Permainan Gambus; 7.30—Bimbingan Al-Koran, Azan Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Sandiwar Radio (SU); 9.00—Hidayat; 9.30—Tetamu Minggu ini (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran, 10.20—Doa Restu, 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

JUMAAT

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Pertanian dan Perikanan; 8.30—Mari Menyanyi (SU); 8.45—Selangan Irama; 9.00—Pelajaran Dewasa Di-Udara; 9.30—Tafsir

Al-Koran (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Soalan Di-Udara; 10.30—Dari Kampong Ka-Kampong; 11.00—Bimbingan Al-Koran (SU); 11.30—Keluarga Jaya. T/HARI: 12.00—Lagu2 Dakwah; 12.15—Bachaan Al-Koran; 12.30—Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat; 1.15—Qasidah; 1.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45—Permainan Gambus (SU). PETANG: 2.15—Varia Peristiwa; 2.30—Ruangan Kitani; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Apa Pendapat Awda; 3.30—Panorama Tanah Ayer, Azan Asar; 4.00—Kuiz Ka-Sekolah2; 4.30—Chitrawara (SU); 5.00—Rakaman Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00—Mukaddam, Bingkisan Hari ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM: 7.00—Cherpen dan Salokan; 7.30—Gurindam Lagu (SU); 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Mari Berpantun/Berbalas Pantun (SU); 9.00—Permintaan Sukaramai; 9.30—Majallah Ugama/Petikan Soal Jawab Ugama (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20—Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

SABTU

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Soalan Di-Udara; 8.30—Dendang Antarabangsa; 9.30—Apa Pendapat Awda (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Waria Peristiwa (SU); 10.30—Sairing Jalan (SU); 11.00—Panorama Tanah Ayer (SU); 11.30—Berdendang Dengan Ku. T/HARI: 12.00—Rampai Tengahari, Azan Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Permintaan Hujung Minggu. PETANG: 2.00—Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU); 2.30—Lagu dan Senikata (SU); 3.00—Hiboran Pilehan; 3.30—Cherpen dan Salokan, Azan Asar; 4.00—Chitra Irama; 4.30—Tunas Pendidek; 5.00—Dunia Minggu Ini; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung Lagu2 Lama; 6.00—Siri Muk-

kaddam, Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM: 7.00—Dari Kampong Ka-Kampong (SU); 7.30—Trio Combo Band/Suara Berhormoni, Azan Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Purbawara (Diang Dangan); 9.00—Dari Sekolah Ka-Sekolah; 9.30—Titian Sastera/Budaya Kita; 9.45—Senandung Malam; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Pimpinan Illahi, Bachaan Al-Koran, Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

AHAD

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Dunia Wanita; 8.30—Pesta Pop; 9.00—Taman Mekar; 9.30—Apa Pilehan Awda; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Titian Sastera/Budaya Kita; 10.30—Pencharagam Tempatan; 11.00—Siswazah Brunei; 11.30—Album Penyanyi. T/HARI: 12.00—Sandiwar Radio, Azan Dzohor; 12.30—Hiboran Rampaian; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Combo RTB/Bintang Kechil; 1.45—Pilehan Instrumental. PETANG: 2.00—Pulis Diraja; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Mari Berpantun/Berbalas Pantun, Azan Asar; 3.45—Sokan dan Olahraga; 4.15—Dari Sekolah Ka-Sekolah (SU); 4.45—Pilehan Juruhebah; 5.00—Rakaman Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00—Mari Berzikir; 6.15—Bingkisan Hari Ini, Azan Maghrib, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM: 7.00—Suara Parajurit, Azan Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Gurindam Jiwa; 9.00—Bengkel Radio; 9.30—Permintaan Sukaramai; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah; 10.07—Bachaan Al-Koran; 10.20—Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

ISNIN

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Suara Poli Diraja (SU); 9.00—Rampai

Sari Hiboran; 9.30—Antarabangsa (Duty Ann); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Berdendang Dengan Ku; 10.30—Sains dan Perusahaan; 11.00—Hiboran; 11.30—Bingkisan Tanah Ayer (SU). T/HARI: 12.00—Komintar Radio; 12.15—Rampai T/Hari, Azan Dzohor; 12.30—Rampai Tengahari; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Permintaan Sukaramai. PETANG: 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00—Keluarga Si-Awang; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung Lagu2 Lama; 6.00—Mukaddam, Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM: 7.00—Penyanyi Harapan; 7.30—Tunas Pendidek, Azan Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Chitra Irama; 9.00—Pertanian dan Perikanan; 9.30—Dendang Muzika Melayu; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran—Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

SELASA

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Suara Parajurit (SU); 9.00—Permintaan Untuk Wanita; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Rampai London; 10.30—Melody Adek-ku; 11.00—Hiboran; 11.30—Salam Mesra. T/HARI: 12.00—Hiboran Tengahari, Azan Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Tamu Minggu ini; 1.30—Ku sampaikan Salam. PETANG: 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00—Rakaman Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Hiboran Petang; 6.00—Mukaddam, Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM: 7.00—Ruangan Ketam (SU); 7.30—Album Penyanyi (SU), Azan Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu, Dusun, Iban; 8.30—Pencharagam (SU); 9.00—Dunia Wanita (SU); 9.30—Keluarga Jaya (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20—Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGERIS

WEDNESDAY AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — Hits In Germany. PM: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — The Big Band Sounds; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — It's All Yours by Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

THURSDAY AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon; 11.45 — World of Education. NOON: 12.00 — My Music; 12.30 — News; 12.45 — Music from the Movies with Viviyanti Ali; 1.15 — Curious But True by Nafisah Haji Ali; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Sixty Minutes Theatre: "Shape in Another Day by Bill Kirton; 9.00 — Brunei Cameos (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Vibrates In The Memory by David Temple; 10.00 — Close Down.

FRIDAY AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Sables and Vermin by John

Drummond; 11.45 — Light Music from the Netherlands. NOON: 12.00 — Radioscope by Charan Chand. PM: 12.30 — News; 12.45 — Jacques Offenbach and His Music Prog; 2.15 — Churchill's Wartime broadcasts: Programme 3: America's Entry in the War; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Curious But True by Nafisah Haji Ali (repeat); 8.15 — Calling On You by Sheikh Abbas; 9.00 — BBC World Report; 9.15 — News; 9.30 — The Pickwick Papers; 10.00 — Close Down.

SATURDAY AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Many A Slip; 11.30 — International Call. NOON: 12.00 — Sweet And Stylish. PM: 12.30 — News; 12.45 — Nice to Know You by Jaafar Yaakub; 1.15 — BBC World Report; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Practical World; 8.15 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00 — Book Club: Turtle Dairy by Russell Hoban; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.

SUNDAY AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour by Veronica Shim; 11.30 — Women's World by Charan Chand. NOON: 12.00 — Top of the Pops (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Animal, Vegetable or Mineral; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Music from the Movies with Viviyanti Ali (repeat); 8.30 —

Perspective; 8.45 — The Young Sound by Al Hisamuddin Pg Yaakob; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Nights Special with Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

MONDAY AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Hello Tomorrow; 11.30 — Music-Go-Round. NOON: 12.00 — I am Sorry I'll read that again. PM: 12.30 — News; 12.45 — Science Potpourri produced by Viviyanti Ali; 1.15 — Interlude of Music; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Bee Gees Story—Part 5(b) A Year In The Life Side 2 of 2 (repeat); 8.45 — Monday's Night Mail by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — The World of Books; 10.00 — Close Down.


TUESDAY AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — BBC Sports Magazine; 11.15 — Housewives' Special; NOON: 12.00 — Just A Minute. PM: 12.30 — News; 12.45 — Strictly Instrumental; 1.00 — A Short Guide to Musical Instruments Prog. 1 "The Flude Family"; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special "Bethnal" Side 1; 8.30 — Radioscope (repeat); 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Animal, Vegetable or Mineral (repeat); 10.00 — Close Down.

APA PILEHAN AWDA



DAYANG Nani H.N. No. 38, Kampong Kulapis, Brunei mendapat peluang untuk memilih lagu2 kegemaran-nya dalam ruangan Apa Pilehan Awda minggu ini.

Lagu2 pilehan-nya akan ka-udara pada hari Rabu, 11hb Jun 1980, jam 9.30 malam.



SHARIKAT Penerbangan Di-
raja Brunei tidak lama lagi
akan mempunyai tempat pe-
nyimpan kapal terbang (hangar)
yang moden, serupa hangar2
yang terdapat di-negara2 yang
sudah maju.

Hangar tersebut yang pem-
binaan-nya kini sedang giat di-
jalankan di-satu kawasan di-

Lapangan Terbang Antarabang-
sa Berakas di-jangka selesai
dalam bulan Julai tahun ini.
Kerja2 pembinaannya ter-
masuklah pembinaaan bahagian
bilek pejabat workshop dan se-
tor yang di-bina dua tingkat.

Di-samping itu ia juga di-
lengkapi dengan peralatan mo-
den, khusus bagi keperluan pe-

nempatan kapal terbang seperti
pengehad kebakaran.
Bila siap nanti hangar terse-
but akan boleh memuat lima
buah kapal terbang jenis Boeing
737.

Kerja2 pembinaaan itu ke-
seluruhan-nya menelan perun-
tokan sa-banyak kira2 \$17
juta.

Penghantaran kanak2 ka-Tabika/Tadika:

HANTAR-LAH PADA YANG DI-DAFTAR

BANDAR SERI BEGA-
WAN.—Sa-banyak 18 buah
sekolah tadika/tabika per-
sendirian negeri ini telah
di-sahkan pendaftaran-nya
sejak tahun 1968 untuk
menjalankan persekolahan
masing2.

Dari jumlah itu sa-banyak

13 buah telah di-sahkan
pendaftaran-nya di-Daerah
Brunei dan Muara, tiga
buah di-Daerah Tutong
dan dua buah di-Daerah
Belait manakala di-Daerah
Temburong belum ada se-
kolah tadika di-buka.

Satu laporan dari Baha-

gian Pelajaran Dewasa, Ja-
batan Pelajaran menyata-
kan, sejak tahun itu lebih
banyak permohonan untuk
membuka sekolah tadika di-
terima, bagaimana pun ke-
rana sa-tiap permohonan

Lihat muka 16

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-
dapat di-jual dengan harga yang lebih sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan
dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-
bawah bermula bagi minggu 29hb Mei, 1980.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA 24
KATI—\$28.00 sa-tin boleh di-beli dari
kedai berikut:—
Chop Hiap Kee,
No. 1, Sultan Lama.
2. UDANG KERING—\$6.00 sa-kati boleh
di-beli dari kedai berikut:—
Liong Yu Co.,
No. 58, Jalan Sultan.
3. KULAT KERING BERTANGKAI—\$2.50
sa-tahil boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Liang Yu Co.,
No. 58, Jalan Sultan.
b) Chop Hock Huat,
No. 62, Jalan McArthur.
4. KACHANG KUDA—\$1.80 sa-kati boleh
di-beli dari kedai berikut:—
Took Hin,
No. 56, Jalan Sultan.
5. BAWANG MERAH—\$1.50 sa-kati boleh
di-beli dari kedai berikut:—
Chop Ming Thai Company,
No. 32, Jalan Sultan.

SERIA

1. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA 24
KATI—\$29.00 sa-tin boleh di-beli dari
kedai berikut:—
Poh Seng,
No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
2. UDANG KERING—\$7.00 sa-kati boleh di-
beli dari kedai2 berikut:—
a) Foo Hap Shing,
No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
b) Chop Koh Seng Hang,
No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
c) Hui Guan,
No. 48-B, Jalan Bunga Kuning.
3. KULAT KERING BERTANGKAI—\$2.50
sa-tahil boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Chop Kim Huat,
No. 53, Jalan Bunga Kuning.
b) Chop Koh Seng Hang,
No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
4. KACHANG KUDA—\$1.80 sa-kati boleh
di-beli dari kedai berikut:—
Haji C. A. Mohammad,
No. 51, Jalan Bunga Kuning.
5. BAWANG MERAH—\$1.50 sa-kati boleh
di-beli dari kedai berikut:—
Siang Huat,
No. 9, Jalan Bunga Kemantin.

Oleh2 dari perjumpaan antara Ahli2 J-kuasa Peraduan dgn penulis2 Daerah Belait

SATU perjumpaan an-
jara Penulis2 Daerah
Belait dengan Ahli2 Jawa-
tankuasa Peraduan Menulis
Novel dan Ahli2 Jawatan-
kuasa Tetap Penyelarasan
Drama telah di-adakan pa-
da hari Ahad, 25hb Mei
yang lalu. Perjumpaan itu
berlangsung di-Dewan Ke-
masyarakatan Kuala Belait.

Dalam ucapan alu-alu-
an-nya, Pengarah Dewan
Bahasa dan Pustaka, Awang
Mahmud Haji Bakyr sa-
laku pengerusi telah mene-
rangkan bahawa tujuan
Peraduan Menulis Novel
itu di-anjarkan sa-lain dari-
pada salah satu acara
Menyambut Kedatangan
Tahun Hijrah 1400, juga
di-harapkan sa-bagai per-
siapan Dewan Bahasa dan
Pustaka Brunei untuk me-
nyambut kemerdekaan pa-
da tahun 1983.

Dalam peraduan itu nan-
ti, menurut beliau, beberapa
orang penulis novel akan
dapat di-ketengahkan, dan
di-harapkan pada penghu-
jong tahun 1983, Dewan
Bahasa dan Pustaka akan
dapat menerbitkan bebera-
pa buah novel yang memen-
ang dalam peraduan terse-
but.

Menyentuh mengenai the-
ma Peraduan Menulis No-
vel itu, beliau menerangkan
yang tema peraduan itu
khusus berunsur dan ber-
latar-belakangkan perkem-
bangan Shi'ar Islam dalam
menghayati penghidupan
dan pembangunan negara.
Maksud pembangunan ne-
gara mencakup usaha2
pembangunan rohani dan
jasmani di-Brunei sejak pe-
nanda-tanganan Perlemba-
gaan Bertulis dalam tahun
1959 sa-hingga masa ini
yang melibatkan perubah-
an2 hidup dan chara hidup
raayat dan penduduk negeri
ini. Dalam erikata lain, sa-
orang penulis mesti-lah me-
ngemukakan watak Islam
yang berfikir dan meng-
amalkan hidup sa-bagai sa-
orang Islam sa-lari dengan

tujuan dan hasrat Kera-

jaan untuk menjadikan Is-
lam sa-bagai tatacara hi-
dup yang lengkap di-negeri
ini.

“Penumpuan utama da-
lam penulisan itu dapat-
lah di-mulakan dari tahun
1959, kemudian penulis da-
pat mengembangkan jalin-
an cherita-nya kepada soal2
lain asalkan tidak terkeluar
daripada yang di-gariskan
dalam Syarat Peraduan.
Dengan keahlian sa-orang
penulis, novel itu dapat di-
hubungkan dengan peristiwa2
penting sa-belum ta-
hun 1959, mithal-nya de-
ngan penggunaan teknik
imbas-kembali (flashback),
penulis dapat menjejak per-
kembangan negeri ini sa-
belum tahun 1959, atau me-
renong dan meramalkan
perkembangan negeri ini
sa-hingga tahun2 1983. Ini
terpulang-lah kebijaksana-
an dan keahlian sa-orang
penulis,” kata beliau mem-
beritahu.

“Apabila kita berhadap-
an dengan Syarat Peraduan
yang menggariskan “Thema
hendaklah berlatar-belaka-
ngkan sh'ar Islam” jang-
anlah menyangka ini saperti
menyusun dan menulis sa-
buah buku fekah, atau apa-
bila berhadapan dengan
kalimat2 “menghayati peng-
hidupan dan pembangunan
negara di-Brunei” jang-
anlah ini sampai menyekat
keahlian sa-orang penulis
sa-hingga ia harus memi-
kirkan dan merentatkan
perkembangan dan pem-
binaan yang sedang kita
alami sekarang. Apa yang
utama menjuiwai sa-buah
novel ada-lah watak dan
dailog-nya,” jelas beliau
lagi.

Sa-rentak dengan itu,
Pengerusi juga menarek
perhatian penulis2 dalam
perjumpaan itu terhadap
Peraduan Menulis Drama
Pentas, Radio dan Talivi-
shen yang sedang di-anjor-
kan oleh Jawatankuasa Te-

tap Penyelarasan Drama.
Kali ini peraduan di-
khususkan untuk persem-
bahan/bacaan audiens di-
kalangan kanak-kanak da-
lam lengkungan umur 12-16
tahun. Peraduan ini meng-
hendaki Drama Pentas, Ra-
dio dan Talivishen itu
dalam jangka masa antara
20 hingga 30 minit per-
sembahan. Ini dalam ker-
tas ukuran A4 (210mm x
279mm) akan memakan an-
tara 15 hingga 30 muka
surat.

Dari pengalaman peradua-

an2 yang lalu, sa-macam
satu kechendorongan penul-
is untuk mengambill ‘sukut
akhir’, di-mana manuskrip
atau skrip drama di-han-
tar sa-hingga minggu ter-
akhir tarikh peraduan di-
tutup. Pengerusi menyeru
kapada penulis2 agar dapat
menghantar manuskrip atau
skrip peraduan sa-baik2
sahaja siap. Ini meman-
dangkan para peserta untuk
kedua-dua peraduan ini
chuma di-kehendaki meng-
hantar manuskrip atau
skrip peraduan dalam satu
salinan. Manuskrip atau
skrip ini akan di-usahakan
untuk di-salin dalam bebe-
rapa salinan untuk Penal
Hakim yang akan di-lantek.

Pengerusi juga meng-
umomkan penundaan tarikh
tutup peraduan untuk Per-
aduan Menulis Skrip Dra-
ma Pentas dan Radio. Se-
mentara tarikh tutup Per-
aduan Menulis Skrip Dra-
ma Talivishen maseh kekal
saperti yang terchatet da-
lam Syarat Peraduan ia-lah
pada 12hb Julai, 1980,
tarikh tutup untuk Peradu-
an Skrip Drama Pentas
dan Radio di-tutup sa-hing-
ga 12hb Ogos, 1980.

Borang dan Syarat Per-
aduan untuk kedua-dua
peraduan ini dapat di-per-
olehi daripada Setiausaha
untuk masing2 peraduan di-
Dewan Bahasa dan Pustaka
pada masa2 pejabat di-
buka.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 4hb hingga 10hb Jun 1980

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis	4.6.1980	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pengkalen Batu	4.6.1980	Rabu	9.45-10.45
Sekolah Melayu Masin	4.6.1980	Rabu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Agama Sengkurong	7.6.1980	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas	7.6.1980	Sabtu	3.15- 4.15
Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut	7.6.1980	Sabtu	4.30- 5.30
Sekolah Ingggris Berakas (Bahagian Rendah)	9.6.1980	Isnin	2.00- 3.00
Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan	9.6.1980	Isnin	3.30- 4.30
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	10.6.1980	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak	10.6.1980	Selasa	10.30-11.30



PERJUMPAA Ahli2 Jawatankuasa dengan penulis2 Daerah Belait yang di-adakan di-Dewan
Kemasyarakatan Kuala Belait. — Gambar DBP.

BERIKAN K-SAMA KPD KERAJAAN DALAM MELAKSANAKAN RKN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibol Rae Walmashuarah Pengiran Muda Haji Mohammad Alam ibni Almarhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abd. Rahman menyeru belia2 serta penduduk di-negeri ini supaya bekerjasama dengan pihak kerajaan dalam melaksanakan perkembangan dan pembangunan Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang ke-empat.

Di-samping itu Yang Teramat Mulia juga menyeru belia2 supaya akan dapat berhidup di-negeri Brunei Darussalam ini dengan chara berdisiplin dan mematuhi undang2 negara.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha membuat seruan demikian ketika bersabda sa-jurus sa-belum merasmikan perlawanan Liga Bolasepak Belia antara Daerah2 yang telah di-adakan di-Padang Besar di-ibu negeri di-sini pada hari Khamis 22hb Mei yang lalu.

Ini, sabda Yang Teramat Mulia itu lagi, sesuai dengan ucapan yang sering kita dengar bahawa 'Pemuda Harapan Bangsa', di-mana mereka ini nanti akan menjadi jentera penggerak dalam perkembangan dan kemajuan negeri Brunei di-masa2 yang akan datang.



Menyentuh mengenai dengan perlawanan bolasepak itu Yang Teramat Mulia bersabda ia-nya akan dapat menghasilkan pemain2 yang berbakat dan berkelibar yang boleh di-ketengahkan dalam perlawanan2 antara-bangsa.

"Di-sini-lah nanti pihak2 yang berkenaan dapat menilai 'kualiti dan standard' permainan kamu dan jika kamu benar2 berkebolehan maka besar kemungkinan kamu akan di-pilih menjadi sa-orang pemain bolasepak kebangsaan Brunei bagi mewakili negeri kapelawanan antarabangsa", sabda Yang Teramat Mulia.

Permainan bolasepak, sabda-nya lagi, akan dapat mengajarkan diri kita saling bekerjasama dan mengerti di-antara kawan sa-permainan demi untuk mendapatkan kemenangan dalam satu2 perlawanan.



PESERTA2 yang mengambil bahagian dalam perlawanan itu di-perkenalkan kepada YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha.

Semangat berpasokan penting dalam pembangunan negara

GADONG. — Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Jumat menekankan bahawa semangat berpasokan ada-lah merupakan ramuan yang penting dalam pembangunan negara.

Di-mana kata-nya, chita2 dan matalamat ini berkehendakkan tanggong-jawab yang di-pikul bersama pada menayakan tujuan asas perpaduan kita sa-bagai negara yang bersatu padu dan inginkan kemajuan.

Ucapan beliau di-bachakan oleh Awang Hussain bin Haji Zainal, Penyusun Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran di-temasha sukan antara Sekolah2 China sa-negeri kali yang kelima yang telah di-adakan di-Stadium Hassanah Bolkiah, Gadong di-sini pada hari Ahad 25hb Mei lalu.

Dato Haji Ahmad menambahkan bahawa semangat sa-umpama itu boleh di-tanamkan melalui bidang sukan dan olahraga kerana, melalui sukan-lah sikap dan semangat berpasokan itu dapat di-pupok dan di-asoh dan di-laksanakan sa-dalam2-nya ia-itu seperti kita berlari empat kali berganti2 yang memerlukan persis

dan kecekapan dalam melepaskan 'baton' kepada teman sa-pelari.

Justeru itu, tegas beliau, sa-chara tidak langsung sukan boleh membentok sikap kita bermasyarakat, membentok keperibadian kita, membentok satu masyarakat yang bersatu dan kukuh sesuai dengan zaman peradahan proses ekonomi negara kita Brunei Darussalam ini.

Sa-lain daripada perasaan berpasokan tadi, katanya lagi, sukan juga melatih kita patuh dan turut pada peratoran dan aturan2 permainan di-samping itu ia-nya juga dapat melatih diri kita supaya patuh kepada undang2 negara dan taat setia kepada Kebawah DYM serta Kerajaan Baginda.

"Mematuhi undang2 negara ia-lah satu sikap yang luhur sekali dan sangat2 di-puji dan sebalik-nya mereka yang tidak mematuhi peratoran sukan menimbulkan manusia yang tidak berguna dan mereka tidak ada tempat di-negara yang kita cintai ini", ujar beliau sa-lanjut-nya.

Negara kita, tambah beliau, bukan sahaja memerlukan dan berkehendakkan raayat yang berdisiplin tetapi juga raayat yang berfikir sehat dan kukuh dalam pendirian hidup dalam menjalankan dan menayakan jentera2 kerajaan di-masa2 akan datang.

Di-samping itu beliau juga telah menyeru kepada semua penuntut2 yang berada di-bangku sekolah supaya membuat sikap azam dan penumpuan chita2 untuk belajar terus belajar pada menagakkan kedaulatan; kemakmoran dan keamanan negeri kita Brunei Darussalam yang sama2 kita cintai ini.

Kerana tegas Dato Ahmad lagi, kejayaan ranchangan baru bukan sahaja bergantung kepada pegawai2 kerajaan yang ada sekarang tetapi juga bergantung kepada penuntut2 tegas-nya belia2 yang berada di-bangku2 sekolah.

Sukan yang di-adakan empat tahun sekali itu telah di-sertai oleh lebih daripada 300 orang penuntut dari Japan buah sekolah China. Dan ia-nya telah di-kelolakan oleh Sekolah Menengah Chuang Hwa dari Daerah Brunei dan Muara.

Sa-banyak 20 acara telah di-pertandingkan dalam temasha itu. Acara kemuncak di-kehormatan sukan itu ia-lah lumba lari berganti-ganti jemputan antara sekolah2 menengah dan Maktab2 dalam bahagian lelaki dan perempuan.

Sekolah Menengah Chung Hwa dari Daerah Brunei dan Muara telah muncol sa-bagai johan dalam temasha sukan kali yang kelima ini dengan banyak mendapat hadiah2 yang di-pertandingkan. Tempat kedua di-sandang oleh Sekolah Menengah Chung Ching dari Seria dan tempat ketiga telah jatuh kepada Sekolah Menengah Chung Hwa dari Kuala Belait.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekema Raja Dato Setia Awang Hj Hussain, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan yang juga telah menutop rasmi sukan sekolah2 China pada tahun ini.

Turut menyeronokkan temasha sukan pada hari itu ia-lah persembahan permainan pancharagam yang telah di-persembahkan oleh Pasukan Pancharagam Sekolah Menengah Chung Hwa dari Bandar Seri Begawan.

Oskar untuk Belia Pendekar



AWANG BAWAI (kanan) menyampaikan Oskar yang di-hadiahkan-nya kepada Pengerusi Temasha Tamu Belia2, Awang Haji Abd Rahman dan Awang Haji Junaidi.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan memilih Belia Pendekar ada-lah merupakan salah satu acara dalam Temasha Tamu Belia MBB yang akan di-adakan di-Pantai Muara pada 8hb Jun ini.

Peraduan tersebut di-bahagikan kepada dua bahagian ia-itu Belia Pendekar yang berumur di-antara 18 hingga 30 tahun dan remaja yang berumur 16 tahun ke-bawah.


Hadiah2 bagi merebut belia pendekar ini telah pun di-sumbangkan oleh Bawai Enterprise, di-samping itu juga sa-banyak 300 helai baju T-shirt juga akan di-bahagikan kepada penunton2 di-majlis tamu Belia2 yang julong2 kali di-adakan di-negeri ini.

Brunei tewas 1-0 oleh pasukan Sabah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasukan Kebangsaan Brunei telah tewas oleh pasukan Sabah dengan 1-0 dalam siri Perlawanan Piala Malaysia yang telah di-adakan di-sini pada hari Sabtu lalu.

Gol kemenangan Sabah di-buah dalam minit ke-40 separoh masa kedua.

Pasukan Brunei telah menjalani 14 perlawanan dan memunggut 10 mata. Pasukan itu akan menjalani dua perlawanan lagi di-padang lawan ia-itu menentang Pasukan Pahang dan Trengganu.



PESERTA2 berjalan lalu dalam upacara perasmian Sokan Tahunan Sekolah2 China baru2 ini.

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI-JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

1. KETUA JURURAWAT GIGI:

Kelayakan2:
Pemohon2 mesti-lah mempunyai sa-suat Diploma atau Sijil Kursus Pengajar Ketua Jururawat Pergigian dari New Zealand atau kelayakan yang sebanding dengan-nya. Butir2 Sijil dan pengalaman tambahan hendak-lah di-nyatakan dalam borang permohonan.

Pemohon2 mesti-lah boleh bertutur dalam bahasa Melayu dan Inggeris, dan mesti-lah juga sehat dari segi jasmani dan perubatan.

Pengalaman:

Chalon2 di-kehendaki mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam kerja2 praktikal sa-telah memperoleh Diploma atau Sijil Kursus Pengajar Ketua Jururawat Pergigian. Pengalaman dalam perkhidmatan pengurusan ka-sekolah2 dan menyusun tugas2 jururawat2 perghigian merupakan suatu kelebihan.

Umur:
Pemohon2 mesti-lah berumur antara 25-40 tahun.

Tugas2:

Tugas2 jawatan ini meliputi sekolah2, hospital dan klinik2 bergerak bahagian perghigian.

Tangga Gaji:
M. 11 — B\$1390-1454-1517-1581-1670-1734-1798-1862-1925-1989/EB/2053-2117-2180-2244-2308.

2. JURU PEMULIH ANGGOTA:

Kelayakan2:
Pemohon2 mesti-lah terdiri dari ahli2 Chartered Society of Physiotherapist (United Kingdom) atau lain2 perbadanan yang sebanding.

Tangga Gaji:
M. 11 — B\$1390-1454-1517-1581-1670-1734-1798-1862-1925-1989/EB/2053-2117-2180-2244-2308.

Sharat2 Lantikan:

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrak tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tem-

poh kontrak.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Jun, 1980.

(E/390/80)
Bil: 58/1980

Di-Jabatan Letrik, Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Letrik, Brunei.

1. PEMBANTU TEKNIK KANAN:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Diploma Teknikal dalam bidang Electrical Power Engineering atau City dan Guilds Full Technological Certificate dalam bidang Electrical Power Engineering.

Berpengalaman sa-lama empat tahun dalam mengendalikan kerja2 bergilir di-sa-sebuah Stesen Tenaga Letrik yang di-

lengkapkan dengan beberapa set jentera ada di-perlukan.

Chalon2 yang mempunyai kelulusan pelajaran yang rendah dari apa yang tersebut di-atas tetapi mempunyai pengalaman yang sesuai dalam kerja2 Stesen Tenaga Letrik akan juga di-pertimbangkan.

Tangga Gaji:

C.2 EB.3—\$1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683.

2. PEMBANTU PELATEH TEKNIK:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil 823 City and Guilds atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.

ATAU

Lulus mata-pelajaran Sains dalam peperiksaan 'O' Level.

Pemohon2 yang berjaya akan menjalani latihan asas di-Jabatan Letrik dan di-kehendaki juga mengahdhir kursus2 teknikal sa-chara penoh masa di-sekolah teknikal tempatan dan/atau di-seberang laut.

Tangga Gaji:

D. 1-2 — \$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523-542-561.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24hb Jun, 1980.

(E/937/72)
Bil: 55/1980

TENDER NOTICE

1. PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa untuk menjalankan perkhidmatan kanten bagi Sekolah2 Ugama yang berikut:—

- Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kuala Belait;
- Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Nor'ain, Pekan Tutong; dan
- Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, Pekan Bangar, Temburong.

2. Tawaran hendak-lah di-hantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-alamat Pejabat Kewangan Negara Brunei tidak lewat dari 23hb Jun, 1980 hari Isnin jam 4.00 petang dengan menulis di-sampul surat "TAWARAN KANTEN SEKOLAH UGAMA PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN, KUALA BELAIT atau SEKOLAH UGAMA PENGIRAN ANAK PUTERI NOR'AIN, PEKAN TUTONG atau SEKOLAH UGAMA PENGIRAN MUDA MOHAMMAD BOLKIAH, PEKAN BANGAR, TEMBURONG (mengikut tawaran sekolah yang di-masoki). Jika tawaran lewat di-terima dari tarikh yang di-nyatakan di-atas tidak akan di-layan.

3. Wang deposit berjumlah sabanyak \$50.00 mengenai perkara ini hendak-lah di-bayar

